

LAPORAN TAHUNAN





SIDANG EDITORIAL

KETUA EDITOR

Prof. Dato' Dr. Hj. Ibrahim bin Che Omar

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Universiti Malaysia Kelantan

EDITOR

Prof. Dr. Jasni bin Sabri

Pengarah
Pejabat Pengurusan Penyelidikan (RMO)

Prof. Dr. Balakrishnan A/L Parasuraman

Pengarah

Pejabat Jaringan Industri dan Kolaborasi (ILCO)

Pengarah

Dr. Mohd Hafiz bin Jamaludin

Pejabat Perundingan, Harta Intelek dan Pengkomersialan (CICO)

Pengarah

Prof. Dr. Nik Maheran binti Nik Muhammad

Pejabat Keusahawanan Global, Penyelidikan dan Inovasi (GERIC)

Pengarah

Prof. Madya Dr. Seri Intan binti Mokhtar

Institut Jaminan Makanan dan Pertanian Lestari (IFSSA)

Pengarah

Prof. Madya Dr. Mohad Anizu bin Mohd Nor

University Community Transformation Centre (UCTC)

Pengarah

Prof. Dr. Mohd Saberi bin Tan Ah Chik @ Mohamad

Institut Kepintaran Buatan dan Data Raya (AIBIG)

EDITOR BERSEKUTU

Pn. Siti Aisah binti Yusop

Pengarah

En. Mohammad Firdaus bin Nizam

Pejabat Pengurusan Penyelidikan (RMO)

Pn. Nur Zezafiza bin Mohamed Zainuzain

Pengarah

Pn. Puteri Nurainul Bismi binti Jondi

Pejabat Jaringan Industri dan Kolaborasi (ILCO)

En. Ahmad Fadzil bin Abd. Rashid

Pengarah

Pn. Nurul Ashikin binti Mohd Lukman

Pejabat Perundingan, Harta Intelek dan Pengkomersialan (CICO)

Pn. Siti Zaharah binti Mohammad Rohi

Pejabat Keusahawanan Global, Penyelidikan dan Inovasi (GERIC)

FOTOGRAFI

En. Mohamad Fairul Hisyam bin Sabari

PEREKA

En. Yusroyka bin Karim



ISI KANDUNGAN

BAB 1	VISI, MISI, OBJEKTI, PIAGAM PELANGGAN DAN STRUKTUR ORGANISASI	X
BAB 2	LATAR BELAKANG	X
BAB 3	PENYELIDIKAN	X
BAB 4	PUSAT KECEMERLANGAN DAN KLUSTER PENYELIDIKAN	X
BAB 5	PENERBITAN	X
BAB 6	PERUNDINGAN, HARTA INTELEK DAN PENGKOMERSIALAN & ANUGERAH INOVASI	X
BAB 7	JARINGAN KERJASAMA INDUSTRI	X
BAB 8	KEWANGAN	X
BAB 9	PROGRAM SOKONGAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI	X
BAB 10	TUGAS KHAS PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)	X
BAB 11	PROGRAM KEMUNCAK	X
BAB 12	PENUTUP	X

KATA ALUAN TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)

Bismillahhirrahmanirahim & Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera dan Sehati Sejiwa.

Dengan penuh rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T., serta limpah dan rahmatnya, tugas saya sebagai Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) telah menamatkan Tahun keduanya. Pada tahun 2015, UMK memperoleh pencapaian MyRA satu (1) bintang dan pada tahun 2016, In Shaa Allah UMK akan mendapat dua (2) bintang. Namun, saya menerima ini dengan penuh kesyukuran kerana menyedari kekuatan yang ada di UMK tidak akan mampu untuk melebihi pencapaian tersebut. Harapan saya, untuk tahun 2017, UMK berusaha untuk menyakinkan KPT bahawa, pencapaian tiga bintang MyRA akan dicapai. Sememang ianya satu tugas yang sukar tetapi ia perlu diteruskan terutama dalam memantapkan budaya penyelidikan dalam kalangan staf akademik.

Secara umumnya, pencapaian 2017 bagi pejabat TNCPI berdasarkan sasaran kerja yang ditetapkan telah mencapai hampir 100%, walaupun terdapat terdapat pencapaian pada peringkat PTJ yang kurang memuaskan, di samping setelah mengambil kira sasaran yang tidak mungkin dapat dicapai akibat kekangan tertentu. Peratusan staf akademik yang memegang geran penyelidikan sebagai penyelidik utama masih rendah, dan begitu juga nisbah penerbitan, pengkomersialan dan perundingan terhadap bilangan staf akademik yang ada, juga masih perlu dipertingkatkan. Untuk tahun 2017, UMK berjaya memperoleh RM2,287,250.61 geran penyelidikan dan jumlah harta intelek hasil penyelidikan sebanyak 20 harta intelek telah difailkan. Bagi penerbitan pula, data terkini sehingga 10 Disember 2017 UMK telah mencapai bilangan penerbitan makalah berimpak tinggi sejumlah 220 dengan bilangan kumulatif sitasi sebanyak 1405. Dengan bilangan yang terhad ini, UMK masih boleh berbangga kerana berjaya memiliki beberapa geran penyelidikan bernilai tinggi yang terdiri daripada geran NRGS, PRGS, TRGS dan ERGS, serta geran antarabangsa Erasmus + di bawah Kesatuan Eropah.

Pada tahun 2017, sebanyak 55 geran penyelidikan dalaman dan luaran telah diperoleh dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM2,287,250.61 juta. Universiti juga telah memperuntukan dana sejumlah RM1.0 juta untuk membiayai geran penyelidikan Jangka Pendek, Zamalah Penyelidikan Doktor Falsafah Luar Negara, Pasca Kedoktoran dan Peruntukan Kluster Penyelidikan. Berdasarkan pencapaian MyRA, UMK juga telah diperuntukan sejumlah RM567,000.00 untuk memperbaiki pencapaian MyRA. Aktiviti penyelidikan pada tahun 2017 turut menyumbang kepada anugerah dan pengiktirafan di dalam dan luar negara. Antara kejayaan yang dicapai adalah meraih 15 pingat dalam Malaysian Technology Expo (MTE 2017) iaitu dua (2) emas, 3 perak (3) perak dan tujuh (7) gangsa, tiga (3) merit dan Best Booth. Pada International Invention, Innovation and Technology Exhibition(ITEX 2017) pula, UMK telah memenangi dua(2) emas dan enam(6) perak. Di Persidangan dan Ekspos Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa(PECIPTA) pula, UMK telah memenangi sebanyak tiga(3) emas, satu(1) perak dan empat(4) gangsa serta satu Semi Grand Award. Selain itu, UMK turut mendapat pingat emas dalam World Invention Innovation Contest WiC 2016 di Korea Selatan melalui produk semburan berasaskan keladi sebagai penawar luka. Pameran K-Novasi P&P UKM pula, UMK telah memenangi satu(1) pingat emas. UMK juga telah memenangi tiga(3) emas dan empat(4) perak di International University Carnival on E Learning(IUECL) 2017. Sementara itu dari segi penulisan pada tahun 2017 ini, sebanyak 176 penulisan ilmiah para ahli akademik telah diterbitkan termasuk di dalam jurnal berindeks dan bertaraf scopus dan Web of Science sama ada di dalam dan juga luar Negara. Sehingga kini, Pusat Sitasi telah mencatatkan peningkatan sebanyak 360% dalam penerbitan yang merupakan tertinggi dalam



kalangan Universiti Awam. Sehingga tahun 2017 ini, UMK telah mengfaillkan sebanyak 14 paten yang telah sedia untuk dikomersialkan. Dalam tahun ini juga, 3 produk telah berjaya dikomersialkan iaitu produk cuka buah-buahan tempatan, makanan ternakan dan anak benih pisang. Untuk tujuan pengkomersialan, UMK telah menandatangani 2 memorandum persefahaman dengan Kelantan Biotech Corporation dan Darulnaim Agro Management Industries Sdn. Bhd. (DAMAI), masing-masing. Untuk tahun 2017, sejumlah RM3,545,416.00 juta diperoleh melalui kerja perundingan. Salah satu kejayaan penyelidikan UMK adalah melalui geran Erasmus + Kesatuan Eropah yang telah mengangkat UMK sebagai peneraju dalam latihan dan pembangunan MOOC. Penyelidikan ini telah menghasilkan penubuhan MOOC Production Centre, di UMK yang telah dirasmikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi, YBhg. Datin Paduka Ir. Dr. Hamisah Tapsir.

UMK menyedari bahawa persaingan untuk mendapat geran penyelidikan sama ada daripada pihak swasta atau geran antarabangsa menjadi semakin hebat. Oleh yang demikian, usaha untuk memperkuuhkan budaya dan semangat dalam penyelidikan dalam kalangan staf akademik UMK diteruskan. Pejabat TNCPI akan meneruskan usaha meningkatkan keupayaan staf akademik sama ada dalam memperkuuhkan budaya penyelidikan, kemahiran penyelidikan, kemampuan penulisan cadangan penyelidikan dan penerbitan bermutu. Dalam tahun 2017, sebanyak 4 bengkel penyelidikan dan penerbitan, 5 program "roadshow" dan 3 program "townhall" dilaksanakan untuk menjelaskan peranan pejabat TNCPI dan juga tanggungjawab fakulti/pusat dalam memperkuuhkan penyelidikan dan inovasi. UMK sangat memerlukan komitmen staf di semua PTJ di samping sumber manusia yang mampu mengungguli penyelidikan supaya mampu memperkuuhkan aspek penyelidikan, penerbitan, perundingan dan pengkomersialan hasil penyelidikan. Usaha ini dilakukan dengan memperkasakan peranan Timbalan Dekan (Penyelidikan & Inovasi) di setiap PTJ.

Dalam usaha meningkatkan kecekapan pengurusan, pejabat Timbalan Naib Canselor telah memantapkan pentadbiran dengan mewujudkan Pejabat Pengurusan Penyelidikan (RMO) bagi menggantikan Pusat Pengurusan Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersialan (RMIC). RMO diketuai oleh seorang Pengarah, manakala Pejabat Jaringan Industri dan Kolaborasi (ILCO) dan Pejabat Pengkomersialan dan perundingan (CICO) juga diketuai masing-masing oleh seorang Pengarah. Dalam masa yang sama, semua pusat kecemerlangan penyelidikan diletakkan di bawah pejabat TNCPI, iaitu Global Entrepreneurship and Innovation Reserach Centre (GERIC), Institut Penyelidikan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK) dan Institut Penyelidikan Jaminan Makanan dan Pertanian Lestari (IFFSA). Pada tahun 2017, satu pusat kecemerlangan yang baru diwujudkan yang dikenali sebagai Institut Kecerdasan Buatan dan Data Raya (AIBIG) yang juga diketuai oleh seorang Pengarah. AIBIG bertanggung jawab menjayakan agenda Revolusi Industri 4.0 UMK. Setiap pusat kecemerlangan ini mempunyai pencapaian tersendiri yang diharapkan akan dapat memenuhi kriteria penubuhan HiCOE pada peringkat kementerian. Dalam masa yang sama, pada bulan Oktober Pejabat TNCPI telah mewujudkan Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) yang untuk tahun 2017 telah berjaya menganjurkan 2 projek utama di bawah peruntukan KPT.

Penyelidikan di UMK disokong oleh 7 kluster penyelidikan yang antara yang aktif adalah bidang penyelidikan Kontemporari Melayu. Untuk memperkuuhkan jalinan kerjasama dengan industri, Majlis AGE (Action Group for Entreprenuership) dimantapkan dengan berbagai aktiviti. Dengan keahlian yang terdiri dari 11 buah syarikat korporat dan 10 syarikat pelajar, berbagai projek bersama industri berkaitan sama ada projek yang bersifat jangka pendek ataupun jangka panjang telah dan sedang dalam pelaksanaan. Untuk tahun 2017, melalui Majlis AGE, 3 MOU telah ditandatangani, iaitu dengan Distint Legacy Sdn. Bhd., QSR Brands (M) Holdings dan Credit Guarantee Corporation. Salah satu peranan yang dimainkan oleh pejabat TNCPI juga adalah memperkasakan Majlis Profesor Negara (MPN) Chapter UMK. MPN Chapter UMK

atu dikenali juga sebagai MPUMK dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan (JPN) dan National STEM Movement telah menganjurkan berbagai program yang antaranya termasuklah program Prof@school, karnival STEM Negeri Kelantan, Program Bicara Rakyat dan penubuhan Persatuan Pendidik STEM Negeri Kelantan. Program Prof@school 2017 telah melibatkan 76 buah sekolah menengah dan rendah seluruh Negeri Kelantan dalam usaha meningkatkan bilangan pelajar dalam bidang sains dan teknologi.

Untuk pertama kali juga Pejabat TNCPI telah berjaya menganjurkan Karnival Penyelidikan dan Inovasi 2017 di UMK Kampus Jeli. Di karnival ini, UMK telah menanda tangani MOU/MOA dengan 5 industri dan melancarkan 11 produk hasil penyelidikan, di samping mempamerkan lebih daripada 62 produk penyelidikan. Beberapa penyelidik diberi pengiktirafan dalam penyelidikan dan penerbitan.

Sehingga Disember 2017, staf sokongan di pejabat TNCPI adalah seramai 39 orang dengan diketuai oleh Ketua Penolong Pendaftar. Pejabat TNCPI telah juga membangun dokumen perancangan strategik untuk tahun 2015 – 2020 sebagai garis panduan kepada fakulti/pusat dalam merancang halatuju strategik PTJ masing-masing. Unit kewangan Pejabat TNCPI telah disesuaikan dan bertanggung jawab mengendalikan belanja mengurus, pengurusan peruntukan geran penyelidikan, dan juga bertanggung jawab dalam pengurusan Tabung Amanah Penyelidikan. Kesemua aktiviti di pejabat TNCPI sentiasa diberi liputan meluas sama ada melalui laman web jabatan, Bulletin penyelidikan dan Inovasi, media cetak dan juga media Elektronik.

Secara peribadi, saya akan terus berusaha untuk mencemerlangkan agenda penyelidikan dan inovasi Universiti, tetapi tidak mungkin untuk saya mampu melaksanakan secara bersendirian. Untuk memastikan kejayaan, saya sangat memerlukan sokongan sepenuhnya dari seluruh warga fakulti dan pusat serta pengurusan Universiti. Saya ingin mengucapkan setinggi tahniah dan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua warga pejabat TNCPI yang telah bekerja kuat untuk memastikan setiap perancangan kita dapat dijayakan dengan sempurna. Kita semua menyedari tugas kita semakin berat, dan cabaran kita semakin meningkat. Namun dengan berkat usaha gigih, doa dan sokongan dari semua pihak, saya yakin tugas berat ini dapat dilaksanakan dengan cemerlang. Akhir kata, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Naib Canselor, UMK, YBhg Profesor Dato Mortaza Mohamed di atas sokongan padu yang tidak berbelah bagi menyokong dan mendokong usaha di pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi). Semoga segala usaha kita sentiasa mendapat keberkatan dan pertolongan daripada Allah S.W.T.

Bunga Melati tumbuh melata,
Bunganya tersusun kembangnya rapat,
Penyelidikan translasional pegangan kita
Menjamin kesejahteraan masyarakat setempat
Sekian, Terima kasih dan Wassallam.

Profesor Dato' Dr. Hj. Ibrahim Che Omar, DEng, DPSK (Kelantan), PSK,JMN, FASc

TIMBALAN NAIB CANSELOR
(PENYELIDIKA DAN INOVASI)

BAB 1

Visi, Misi, Objektif, Piagam Pelanggan & Struktur Organisasi



1.1 VISI DAN MISI

Visi

Penyelidikan dan inovasi dengan nilai komersial yang tinggi bagi tujuan pemindahan teknologi, penjanaan pendapatan, ejen pembangunan dalam negara dan antarabangsa serta peningkatan keusahawanan.

Misi

Memacu Universiti ke arah kecemerlangan dalam usaha pengkomersialan hasil penyelidikan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

1.2 OBJEKTIF

Berlandaskan kepada rangka kerja penyelidikan yang telah dibangunkan, objektif Penyelidikan & Inovasi di UMK adalah untuk:

- Menjadikan penyelidikan & inovasi sebagai salah satu agenda utama di UMK
- Menghasilkan penyelidik yang berkemahiran tinggi dan graduan yang kreatif dan inovatif dalam penyelidikan
- Memberi tumpuan kepada kluster/nic penyelidikan yang akan menjadi simbol keutuhan penyelidikan di UMK
- Mengukuhkan visi penyelidikan dan inovasi berpacuan keusahawanan.
- Melaksanakan penyelidikan baharu, relevan dan berimpak untuk pembangunan sosioekonomi.
- Melengkapkan agenda yang digariskan dalam agenda penyelidikan negara

Pemikiran strategik berkaitan penyelidikan & inovasi bertujuan untuk menghasilkan tenaga pekerja yang berpengetahuan, mempunyai nilai keusahawanan, kreatif, inovatif dan relevan dengan keperluan negara. Pada masa yang sama, penyelidikan & inovasi juga berusaha untuk menyokong industri yang sedia ada atau mewujudkan industri baharu di dalam negara.

Oleh yang demikian, penyelidik-penyelidik UMK diharapkan supaya dapat menjalankan penyelidikan asas yang berupaya untuk menghasilkan harta intelek, mencipta kemajuan teknologi baharu dan menjana inovasi berdasarkan hasil penemuan pengetahuan/saintifik baharu. Inovasi yang dihasilkan akan menjadi titik tolak kepada usaha pengkomersialan dan penubuhan syarikat. Walaubagaimanapun, langkah paling penting yang perlu diambil oleh UMK ialah untuk membentuk minda dan daya pemikiran berteraskan penyelidikan yang betul di kalangan staf-staf akademik melalui pembudayaan penyelidikan yang baik.

1.3 PIAGAM PELANGGAN

Kami warga Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Universiti Malaysia Kelantan, dengan penuh tekad berikrar untuk memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan cekap untuk memenuhi keperluan pelanggan:

- Mengamalkan budaya perkhidmatan pengurusan penyelidikan yang berkualiti, cekap, dan amanah melalui sistem penyampaian yang teratur dan berkesan.
- Membangun bakat penyelidikan yang profesional dan berkualiti yang mampu mencemerlangkan Universiti menjadi pusat penyelidikan yang bernilai komersial.

- Meningkatkan kualiti dan aktiviti penyelidikan universiti yang mengukuhkan tujuan keusahawanan.
 - Memberi khidmat nasihat dan memudahkan hasil penyelidikan untuk pengkomersialan dan perlindungan harta intelek
 - Menghasilkan penyelidikan yang relevan kepada komuniti dan industri serta mengukuhkan hubungan dengan pemegang taruh.


1.4 SENARAI STAF

1.5 CARTA ORGANISASI

Carta organisasi yang sebelum ini bermula 1 Januari 2017 hingga September 2017



Carta organisasi baharu Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) bermula September 2017.





Bab 2

Latar Belakang

2.1 PERANAN PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) diketuai oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Hj. Ibrahim bin Che Omar. Beliau mula dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) bermula pada 16 Januari 2016 dan merupakan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) yang pertama di Universiti Malaysia Kelantan(UMK). Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) sangat komited dalam menerajui kecemerlangan agenda penyelidikan dan inovasi merentasi semua bidang penyelidikan yang terdapat di UMK. Bagi menyokong agenda dan hala tuju penyelidikan, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMK diperkuatkan lagi melalui penstrukturkan semula pejabat-pejabat dibawahnya bermula pada 2017.

Urusan pentadbiran dan kewangan di bawah Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) di ketuai oleh Penolong Pendaftar Kanan, Puan Siti Aisah binti Yusop yang bertanggungjawab sebagai Ketua Pentadbir dalam mengurus dan memantau keseluruhan operasi pentadbiran dan kewangan pejabat termasuk pengurusan program dan aktiviti berbentuk penyelidikan dan bukan penyelidikan di Pejabat TNC (P&I) dan pejabat-pejabat dibawah Pejabat TNC (P&I).

Berdasarkan kepada struktur organisasi yang baharu, semua pejabat dibawah Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) telah diketuai oleh Pengarah bagi mendokong KPI penyelidikan dan inovasi termasuk empat (4) pusat kecemerlangan yang telah ditubuhkan seperti mana jadual berikut:

BIL	PEJABAT	PENGARAH
1.	Pejabat Pengurusan Penyelidikan (RMO)	Prof. Dr. Jasni bin Sabari
2.	Pejabat Jaringan Industri dan Kolaborasi (ILCO)	Prof. Dr. Balakrishnan a/l Parasuraman
3.	Pejabat Perundingan, Harta Intelek dan Pengkomersialan (CICO)	Dr. Hafiz bin Jamaludin
4.	Pusat Transformasi dan Komuniti Universiti (UCTC)	Prof. Madya Dr. Mohad Anizu bin Mohd Nor
5.	Pusat Penyelidikan Keusahawanan dan Inovasi Global (GERIC)	Prof. Dr. Nik Maheran binti Nik Muhammad
6.	Institut Jaminan Makanan dan Pertanian Lestari (IFSSA)	Prof. Madya Dr. Seri Intan binti Mokhtar
7.	Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemi-skinan (INSPEK)	Prof. Madya Dr. Wan Ahmad Amir Zal bin Wan Ismail
8.	Institut Kepintaran Buatan dan Data Raya (AIBIG)	Prof. Dr. Mohd Saberi bin Tan Ah Chik@Mohamad

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMK juga melaksanakan projek khas iaitu sebagai Sekretariat dalam Action Group for Entrepreneurship (AGE) UMK yang bertujuan untuk menggandingkan industri dan akademia supaya peranan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) yang juga sebuah Universiti Keusahawanan dapat dimantapkan dengan lebih baik dan berkesan. Selain itu juga, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) merupakan Pengerusi bagi Majlis Profesor Negara (MPN)



Chapter UMK. MPN Chapter UMK juga merupakan projek khas di Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) dan berperanan untuk menjalankan pelbagai aktiviti dan program yang dilaksanakan bersama jabatan, agensi dan komuniti.

2.2 PERANAN PEJABAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN (RMO)

Pejabat Pengurusan Penyelidikan (RMO) merupakan pejabat yang menjadi pusat kepada pengurusan dan pemantauan geran penyelidikan yang dijalankan secara sistematik. Geran-geran yang diuruskan oleh RMO adalah geran yang menerima peruntukan daripada kerajaan, geran dalaman (UMK), geran swasta/ luar dan geran antarabangsa. Pada 1 Mac 2017, Prof. Dr. Jasni bin Sabri telah dilantik menjadi Pengarah baharu RMO untuk membantu kelancaran proses pengurusan dan pentadbiran di RMO.

Selain daripada itu, RMO bertindak untuk memberi perkhidmatan sokongan penyelidikan kepada penyelidik bagi meningkatkan kualiti dan kuantiti penyelidikan Universiti. Dalam usaha menyokong aktiviti penyelidikan penyelidik, RMO telah membangunkan atau menambahbaik borang yang berkaitan penyelidikan bagi memastikan penyelidik dapat menjalankan proses penyelidikan dengan lancar dan teratur. Borang tersebut boleh dicapai di laman sesawang Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) serta sistem e-comm. Selain itu juga, Proses Kerja (SOP) berkaitan dengan penyelidikan juga telah ditambahbaik.

Jadual 2.2.1 : Senarai Borang-borang Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMO)

BIL	SENARAI BORANG
1	Borang Permohonan Dana Penerbitan
2	Borang Permohonan Gra & Enumerator
3	Borang Permohonan RA & RO Baru Lanjut Tempoh
4	Borang Permohonan Menghadiri Latihan Dalam Negara (Pelajar)
5	Borang Permohonan Bayaran Honorarium
6	Borang Permohonan Tukar Tambah Gugur Ahli
7	Borang Viremen
8	Borang Pindaan Cadangan Penyelidikan
9	Borang Ringkasan Laporan Prestasi Akhir Geran Penyelidikan
10	Borang Pecahan Vot Perbelanjaan
11	Borang Pelanjutan Tempoh
12	Borang Laporan Akhir
13	Borang Laporan Prestasi
14	Borang Permohonan Penerbitan Makalah
15	Borang Permohonan Skim Geran Penyelidikan Jangka Pendek (SGJP)
16	Borang Permohonan Skim Geran Penyelidikan Lanjutan - Myra (SGJP-MyRA)
17	Borang Permohonan Skim Geran Penyelidikan Jangka Pendek (SGJP) Myra Keserakahan USM
18	Borang Permohonan Skim Geran Penyelidikan Jangka Pendek (SGJP) Inspek

Jadual 2.2.2: Senarai Proses Kerja Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMO)

BIL	KOD	SENARAI PROSES KERJA
1	UMK/TNCPI/SPKA/RMO/SOP-01	Arahan Kerja Pengendalian Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Penyelidikan (JPP)
2	UMK/TNCPI/SPKA/RMO/SOP-02	Arahan Kerja Penyediaan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Penyelidikan (JPP) Untuk Tindakan
3	UMK/TNCPI/SPKA/RMO/SOP-03	Arahan Kerja Urusan Kelulusan Kertas Kerja Secara Edaran Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Penyelidikan (JPP)
4	UMK/TNCPI/SPKA/RMO/SOP-04	Arahan Kerja Penyediaan Surat/ Memo Kepada Fakulti/ Pusat
5	UMK/TNCPI/SPKA/RMO/SOP-05	Arahan Kerja Penyediaan Kertas Kerja Dan Minit Bebas Untuk Kelulusan
6	UMK/TNCPI/SPKA/RMO/SOP-06	Arahan Kerja Menyediakan Laporan Kepada Pihak KPT/Mosti
7	UMK/TNCPI/SPKA/RMO/SOP-07	Arahan Kerja Penyediaan Data Dan Dokumen Sokongan Bagi Pelaporan Kepada MyMokes Dan IPMO
8	UMK/TNCPI/SPKA/RMO/SOP-08	Arahan Kerja Menyediakan Data Dan Dokumen MyRA
9	UMK/TNCPI/SPKA/RMO/SOP-09	Arahan Kerja Penyelarasian Aktiviti/ Bengkel/ Seminar
10	UMK/TNCPI/SPKA/RMO/SOP-10	Arahan Kerja Permohonan GRA/RA/GI RA/GI GRA/RO
11	UMK/TNCPI/SPKA/RMO/SOP-11	Arahan Kerja Pembayaran Elaun GRA/ RA/RO/GI GRA/GI RA/GI RO
12	UMK/TNCPI/SPKA/RMO/SOP-12	Arahan Kerja Surat Makluman Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Penyelidikan (JPP)
13	UMK/TNCPI/SPKA/RMO/SOP-13	Arahan Kerja Permohonan Geran Penyelidikan Dalaman Dan Makluman Keputusan Kepada Penyelidik
14	UMK/TNCPI/SPKA/RMO/SOP-14	Arahan Kerja Permohonan Skim Geran Luaran (KPT)
15	UMK/TNCPI/SPKA/RMO/SOP-15	Arahan Kerja Permohonan Kod Penyelidikan Dan Penyaluran Peruntukan Dana Penyelidikan
16	UMK/TNCPI/SPKA/RMO/SOP-16	Arahan Kerja Pemantauan Prestasi Dan Pencapaian Geran Penyelidikan Universiti Malaysia Kelantan



17	UMK/TNCPI/SPKA/RMO/SOP-17	Arahan Kerja Permohonan Penerbitan Makalah
18	UMK/TNCPI/SPKA/RMO/SOP-18	Arahan Kerja Permohonan Menghadiri Latihan
19	UMK/TNCPI/SPKA/RMO/SOP-19	Arahan Kerja Permohonan Pelanjutan Tempoh
20	UMK/TNCPI/SPKA/RMO/SOP-20	Arahan Kerja Permohonan Penambahan / Pengguguran / Pertukaran Penyelidik
21	UMK/TNCPI/SPKA/RMO/SOP-21	Arahan Kerja Permohonan Pembelian / Sewaan Peralatan Penyelidikan
22	UMK/TNCPI/SPKA/RMO/SOP-22	Arahan Kerja Permohonan Viremen
23	UMK/TNCPI/SPKA/RMO/SOP-23	Arahan Kerja Permohonan Pindaan Cadangan Peralatan Penyelidikan

RMO bertanggungjawab membuat hebahan kepada penyelidik bagi geran-geran yang ditawarkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), geran antarabangsa melalui KPT atau tidak, geran dalaman dan lain-lain. Bagi setiap hebahan yang dibuat, satu garis masa telah disediakan bagi memudahkan proses penyediaan proposal oleh penyelidik dan proses penilaian serta pemurniaan dilakukan baik diperingkat fakulti/pusat atau peringkat universiti.

Setelah geran berjaya diperolehi oleh penyelidik, makluman kelulusan geran akan diedarkan secara formal dan proses pengkodan geran dilakukan. Penyelidik boleh memulakan geran sepetimana yang telah ditetapkan oleh penaja geran. Semasa geran sedang berjalan mengikut tempoh masa yang telah ditentukan oleh penaja geran, penyelidik boleh melakukan perubahan pada geran termasuk perutkaran ketua penyelidik, tambah atau gugur ahli penyelidik bersama, perubahan pada vot penyelidikan, pelanjutan tempoh penyelidikan, pembelian alatan penyelidikan yang tiada dalam proposal asal dan sebagainya mestilah mengikut garis panduan geran yang telah ditentukan dari masa ke semasa.

Penyelidik hendaklah menyediakan laporan akhir geran dalam masa tiga bulan setelah geran tamat mengikut garis panduan yang telah diwar-warkan. Adalah penting bagi laporan akhir ini dinyatakan dengan jelas penghargaan kepada penaja geran kerana ianya terkandung dalam garis panduan geran.

Selain daripada itu, RMO menggunakan pendekatan dengan mengadakan latihan, bengkel dan seminar dalam memastikan aktiviti penyelidikan bertambah dari masa ke semasa. RMO juga bertanggungjawab menyediakan pelaporan penyelidikan kepada Universiti dan Kementerian sepetimana yang dimohon oleh agensi-agensi yang dinyatakan.

2.3 PERANAN PEJABAT JARINGAN INDUSTRI DAN KOLABORASI (ILCO)

Pejabat Jaringan Industri dan Kolaborasi (ILCO) merupakan salah satu pejabat yang bernaung di bawah Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi).

Fungsi Pejabat Jaringan Industri dan Kolaborasi ialah untuk meningkatkan penglibatan industri dalam aktiviti penyelidikan di UMK melalui jalinan kerjasama. Pejabat Jaringan Industri dan Kolaborasi bertanggungjawab untuk menguruskan sebarang aktiviti jaringan industri yang melibatkan penyelidik dengan industri luar. Pejabat ini bertindak sebagai pemudahcara kepada penyelidik untuk mengenalpasti industri berkaitan dalam menjalankan sebarang kerjasama.

ILCO memainkan peranan dalam pembangunan sistem inovasi di UMK, melalui kerjasama antara ahli akademik, industri, kerajaan dan komuniti. UMK melalui ILCO bertindak sebagai pemudah cara kepada kerajaan, industri dan pemegang taruh yang lain. ILCO memainkan peranan untuk menggalakkan penglibatan industri dalam aktiviti penyelidikan di UMK melalui jaringan kerjasama industri. ILCO yang diketuai oleh Pengarah, Pejabat Pengurusan Penyelidikan, Inovasi & Pengkomersialan dan dibantu oleh Timbalan Pengarah Jaringan Industri dan Kolaborasi.

Antara tanggungjawab utama Pejabat Jaringan Industri dan Kolaborasi adalah seperti berikut:

- Sebagai pemudahcara dan penyelesaikan permasalahan dalam industri,
- Mengurus penempatan penyelidikan (staf dan pelajar) di industri,
- Perkongsian kemudahan penyelidikan dan sumber manusia/kepakaran antara UMK dan industri,
- Jalinan kerjasama penyelidikan (menyuai padan antara penyelidik dengan industri mengikut keperluan dan kesesuaian kepakaran dalam projek penyelidikan),
- Menyediakan platform perbincangan seperti seminar keusahawanan kepada industri,
- Menyediakan peluang penglibatan dalam pembangunan prototaip, idea dan produk penyelidikan kepada industri,
- Memastikan hasil penemuan penyelidikan memberi manfaat kepada industri yang terlibat.

Bagi memastikan kerjasama jaringan industri dalam bidang penyelidikan berjalan lancar, Pejabat Jaringan Industri dan Kolaborasi telah menyediakan garis panduan penyediaan MOU/MOA kerjasama antara UMK dengan pihak industri. Pejabat Jaringan Industri dan Kolaborasi turut memainkan peranan sebagai sekretariat bagi Jawatankuasa Tetap Lembaga Pengarah Universiti bagi tujuan penyeriasan dan pemantauan pelaksanaan kerjasama MoA/ MoU/ Lol dan lain- lain Universiti Malaysia Kelantan.

Jadual 2.3.1 : Senarai Borang di Pejabat Jaringan Industri Dan Kolaborasi

BIL.	SENARAI BORANG
1	Borang Pelaporan Jalinan Industri
2	Borang Maklumat Syarikat
3	Borang Permohonan Skim Pasca Kedoktoran

Jadual 2.3.2: Senarai Proses Kerja di Pejabat Jaringan Industri Dan Kolaborasi

BIL	KOD	SENARAI PROSES KERJA
1	UMK/TNCPI/SPKA/ILCO/SOP-01	Arahan Kerja Pengendalian Mesyuarat Jawatankuasa Jaringan Industri Dan Kolaborasi



2	UMK/TNCPI/SPKA/ILCO/SOP-02	Arahan Kerja Penyediaan Minit Mesyuarat Untuk Tindakan
3	UMK/TNCPI/SPKA/ILCO/SOP-03	Arahan Kerja Pemakluman Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Penyelidikan Jawatankuasa ILCO
4	UMK/TNCPI/SPKA/ILCO/SOP-04	Arahan Kerja Menguruskan Urusan Kelulusan Kertas Kerja Secara Edaran
5	UMK/TNCPI/SPKA/ILCO/SOP-05	Arahan Kerja Penyediaan Surat/Memo Kepada Jabatan/PTJ
6	UMK/TNCPI/SPKA/ILCO/SOP-06	Arahan Kerja Penyediaan Kertas Kerja Dan Minit Bebas Untuk Kelulusan
7	UMK/TNCPI/SPKA/ILCO/SOP-07	Arahan Kerja Menyediakan Laporan Kepada Pihak KPT/MOSTI
8	UMK/TNCPI/SPKA/ILCO/SOP-08	Arahan Kerja Menyediakan Data Dan Dokumen Sokongan Bagi Pelaporan Kepada MyMoses
9	UMK/TNCPI/SPKA/ILCO/SOP-09	Arahan Kerja Menyediakan Data Dan Dokumen Sokongan Bagi MyRA
10	UMK/TNCPI/SPKA/ILCO/SOP-10	Arahan Kerja Penyelarasan Aktiviti / Bengkel / Seminar
11	UMK/TNCPI/SPKA/ILCO/SOP-11	Arahan Kerja Pengurusan Program Chairman Lecture Series
12	UMK/TNCPI/SPKA/ILCO/SOP-12	Arahan Kerja Pengendalian Mesyuarat AGE Council Universiti
13	UMK/TNCPI/SPKA/ILCO/SOP-13	Arahan Kerja Pengendalian Aktiviti Dan Projek Di Bawahpelaksanaan AGE Council Universiti
14	UMK/TNCPI/SPKA/ILCO/SOP-14	Arahan Kerja Proses Pembayaran Honorarium Kepada Ahli Majlis Action Group For Entrepreneurship (AGE Council)
15	UMK/TNCPI/SPKA/ILCO/SOP-15	Arahan Kerja Permohonan Syarikat Untuk Mengadakan Jalinan Industri
16	UMK/TNCPI/SPKA/ILCO/SOP-16	Arahan Kerja Permohonan Penyelidik Untuk Mengadakan Jalinan Industri
17	UMK/TNCPI/SPKA/ILCO/SOP-17	Arahan Kerja Proses Pengurusan Jalinan Industri Dan Kolaborasi
18	UMK/TNCPI/SPKA/ILCO/SOP-18	Arahan Kerja Proses Mengadakan Majlis Menandatangani Dokumen Jalinan Kerjasama Dan Kolaborasi (LOI/LOU/ MOU/MOA)
19	UMK/TNCPI/SPKA/ILCO/SOP-19	Arahan Kerja Proses Permohonan Geran PPRN
20	UMK/TNCPI/SPKA/ILCO/SOP-20	Arahan Kerja Permohonan Kod Penyelidikan Dan Penyaluran Peruntukan Dana Penyelidikan

21	UMK/TNCPI/SPKA/ILCO/SOP-21	Arahan Kerja Permohonan GRA/ RA / GI RA / GI GRA / RO
22	UMK/TNCPI/SPKA/ILCO/SOP-22	Arahan Kerja Pembayaran Elaun GRA/ RA/ GI RA / GI GRA / RO
23	UMK/TNCPI/SPKA/ILCO/SOP-23	Arahan Kerja Pemantauan Prestasi Dan Pencapaian Geran Penyelidikan Universiti Malaysia Kelantan
24	UMK/TNCPI/SPKA/ILCO/SOP-24	Arahan Kerja Menguruskan Permohonan Skim Pasca Kedoktoran
25	UMK/TNCPI/SPKA/ILCO/SOP-25	Arahan Kerja Pembayaran Elaun Felo Pasca Kedoktoran
26	UMK/TNCPI/SPKA/ILCO/SOP-26	Arahan Kerja Pemantauan Laporan Prestasi Felo Penyelidik Pasca Kedoktoran

2.4 PERANAN PEJABAT PERUNDINGAN, HARTA INTELEK DAN PENGKOMERSIALAN (CICO)

Pejabat Perundingan, Harta Intelek Dan Pengkomersialan (CICO) dipertanggungjawabkan untuk menguruskan harta intelek Universiti, menguruskan projek perundingan diantara staf Universiti dengan pihak swasta atau kerajaan dan menguruskan projek pengkomersialan produk Universiti. Tujuan utama CICO adalah memastikan aspek pengurusan untuk ketiga-tiga tugas ini berjalan lancar dan sentiasa menjaga kepentingan Universiti.

Dalam memastikan proses permohonan, penilaian dan pendaftaran harta intelek berjalan lancar dan telus, CICO telah menyediakan satu proses kerja yang lengkap untuk rujukan staf dan penyelidik universiti. Proses kerja ini merangkumi permohonan, penilaian dan pendaftaran.

Pengkomersialan merupakan salah satu agenda utama universiti pada masa kini. Penghasilan produk-produk yang bermutu dan mempunyai nilai komersil tinggi mampu memberikan pendapatan kepada universiti. CICO telah dipertanggungjawabkan untuk menguruskan pengkomersialan produk-produk Universiti. Dibawah adalah proses kerja, carta alir dan borang permohonan yang perlu dilengkapkan oleh staf dan penyelidik untuk menjalankan aktiviti pengkomersialan. Perkhidmatan perundingan adalah antara aspek terpenting dalam aktiviti universiti pada masa kini. Jalinan kerjasama antara penyelidik dan industri menunjukkan bahawa kemampuan universiti diiktiraf oleh pihak industri. Sehubungan dengan itu, universiti sangat menggalakkan aktiviti perundingan dijalankan oleh penyelidik. Ia juga merupakan salah satu daripada penjanaan pendapatan kepada universiti. Oleh yang demikian, CICO telah menyediakan satu proses kerja yang lengkap untuk menjadi rujukan kepada penyelidik untuk menjalankan perundingan. Rajah dibawah menunjukkan proses kerja, carta alir dan borang-borang yang berkaitan aktiviti perundingan.



Jadual 2.4.1 : Senarai Borang di Pejabat Perundingan, Harta Intelek Dan Pengkomersialan (CICO)

BIL.	SENARAI BORANG
1	Borang Permohonan IP
2	Borang Permohonan Pengkomersialan
3	Borang Permohonan Menjalankan Perundingan
4	Borang Penerimaan Menjalankan Perundingan
5	Borang Laporan Prestasi Perundingan
6	Borang Tutup Perundingan
7	Borang Tuntutan Kos Projek/ Bayaran Balik

Jadual 2.4.2: Senarai Proses Kerja di Pejabat Perundingan, Harta Intelek Dan Pengkomersialan (CICO)

BIL	KOD	SENARAI PROSES KERJA
1	UMK/TNCPI/SPKA/CICO/SOP-01	Arahan Kerja Pengendalian Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan, Harta Intelek Dan Pengkomersialan
2	UMK/TNCPI/SPKA/CICO/SOP-02	Arahan Kerja Penyediaan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan, Harta Intelek Dan Pengkomersialan Untuk Tindakan
3	UMK/TNCPI/SPKA/CICO/SOP-03	Arahan Kerja Urusan Kelulusan Kertas Kerja Secara Edaran Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan, Harta Intelek Dan Pengkomersialan
4	UMK/TNCPI/SPKA/CICO/SOP-04	Arahan Kerja Penyediaan Surat/ Memo Kepada Fakulti/ Pusat
5	UMK/TNCPI/SPKA/CICO/SOP-05	Arahan Kerja Penyediaan Kertas Kerja Dan Minit Bebas Untuk Kelulusan
6	UMK/TNCPI/SPKA/CICO/SOP-06	Surat Makluman Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan, Harta Intelek Dan Pengkomersialan
7	UMK/TNCPI/SPKA/CICO/SOP-07	Arahan Kerja Penyediakan Data Dan Dokumen MyRA
8	UMK/TNCPI/SPKA/CICO/SOP-08	Arahan Kerja Penyediaan Data Kepada MyMohes
9	UMK/TNCPI/SPKA/CICO/SOP-09	Arahan Kerja Penyediaan Data Kepada KPT/MOSTI
10	UMK/TNCPI/SPKA/CICO/SOP-10	Arahan Kerja Penyertaan Ke Pameran
11	UMK/TNCPI/SPKA/CICO/SOP- 11	Arahan Kerja Penyelarasian Bengkel/ Seminar / Latihan
12	UMK/TNCPI/SPKA/CICO/SOP-12	Arahan Kerja Permohonan Kod Perundingan & Pengkomersialan Dan Penyaluran Peruntukan Dana Perundingan & Pengkomersialan

13	UMK/TNCPI/SPKA/CICO/SOP-13	Arahan Kerja Permohonan Pengkomersialan
14	UMK/TNCPI/SPKA/CICO/SOP-14	Arahan Kerja Permohonan Dan Pendaftaran Harta Intelek
15	UMK/TNCPI/SPKA/CICO/SOP-15	Arahan Kerja Pelaksanaan Perkhidmatan Perundingan
16	UMK/TNCPI/SPKA/CICO/SOP- 16	Arahan Kerja Pemantauan Pretasi Projek Perundingan Dan Pengkomersialan

2.5 PUSAT TRANSFORMASI DAN KOMUNITI UNIVERSITI (UCTC)

Peranan Pusat Transformasi dan Komuniti Universiti (UCTC) adalah sebagai One Stop Centre untuk semua program kemasyarakatan yang akan dilaksanakan oleh Universiti Malaysia Kelantan. Serentak dengan itu, UCTC juga bertanggungjawab memperoleh peruntukan kewangan bagi menjayakan program kemasyarakatan daripada sumber luar atau industri.

Kelulusan penubuhan UCTC di UMK telah dibuat berdasarkan keputusan dari Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 11/2017 (Kali Ke-179) yang telah bersidang pada 12 September 2017. UCTC diletakkan dan akan dikawal selia dibawah Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) memandangkan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) merupakan Ahli Tetap Jawatankuasa Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) Universiti Awam.

- Sebagai pemangkin untuk mencapai agenda Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia, iaitu Redesigning Higher Education, terutama dari aspek pemindahan teknologi hasil penyelidikan kepada komuniti.
- Bertindak sebagai One Stop Center kepada kedua-dua pihak di UMK dan juga komuniti, dalam menjalin hubungan kerjasama untuk melaksanakan pelbagai program dan aktiviti yang akan mengubah corak dan gaya hidup masyarakat luar kampus.
- Berperanan dalam penjenamaan semula nama UMK ke arah yang lebih unik, relevan dan berbeza.
- Penyelaras, pemudahcara dan pemantau semua program yang akan dijalankan oleh mana-mana pihak di UMK bersama masyarakat dan pihak luar universiti.
- Penghubung antara pihak UMK dalam memasyarakatkan universiti kepada komuniti setempat khasnya dan di seluruh negara amnya. Ia sebagai dorongan kepada masyarakat luar kampus untuk memasuki kawasan kampus dan mengenali UMK dengan lebih dekat lagi.
- Menjana pendapatan universiti melalui penajaan program dari pihak lu

2.6 PERANAN PUSAT KECEMERLANGAN PENYELIDIKAN (COE)

2.6.1 PERANAN PUSAT PENYELIDIKAN KEUSAHAWANAN DAN INOVASI GLOBAL (GERIC)

Global Entrepreneurship Research and Innovation Centre (GERIC) merupakan salah satu Pusat Kecemerlangan Penyelidikan, CoE di UMK. GERIC berperanan sebagai peneraju keilmuan dalam bidang keusahawanan dan inovasi, menyediakan pendidikan keusahawanan berkualiti tinggi dan merangsang



pertumbuhan ekonomi Negara melalui penyelidikan yang dijalankan. GERIC telah dilancarkan secara rasmi oleh YB Dato' Sri Mohamed Khaled bin Nordin, Menteri Pengajian Tinggi Malaysia pada 19 Julai 2012. GERIC telah memulakan pengoperasiannya di Pejabat UMK Kampus Taman Teknologi Malaysia, Bukit Jalil, Kuala Lumpur pada tahun 2012 sehingga Ogos 2014. Mulai 1 September 2015, GERIC beroperasi sepenuhnya di Universiti Malaysia Kelantan Kampus Kota, Pengkalan Chepa, Kelantan.

2.6.2 PERANAN INSTITUT JAMINAN MAKANAN DAN PERTANIAN LESTARI (IFSSA)

Institut Penyelidikan Jaminan Makanan dan Pertanian Lestari (IFSSA) diwujudkan berasaskan pencapaian yang memberangsangkan yang diperolehi daripada Kluster Penyelidikan “Wellness and Food Security” untuk membolehkan kluster tersebut diangkat sebagai sebuah pusat kecemerlangan (CoE) peringkat Universiti. IFSSA telah ditubuhkan pada 17 April 2016 selaras dengan petikan teks titah ucapan KDYMM Tuanku Canselor semasa Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Kelantan (UMK) yang ke-5 pada bulan Disember 2015.

IFSSA adalah sebuah institut yang bertujuan untuk menjamin kelangsungan makanan dan melestarikan pertanian melalui pelbagai parameter secara langsung dan tidak langsung yang melibatkan kesihatan manusia. Peranan yang dilaksanakan oleh IFSSA adalah seperti berikut:

- Bertindak sebagai pusat penyelaras bagi aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan penyelidikan dan inovasi dalam bidang pertanian, teknologi pertanian dan jaminan makanan.
- Melaksanakan pengajaran dan pembelajaran sepanjang hayat, pusat perundingan dan perkhidmatan serta Inkubator Teknologi bagi pertanian, teknologi pertanian dan jaminan makanan untuk mewujudkan usahawan yang berjaya melalui kursus-kursus pendek serta pengetahuan teknologi dan industri asas tani.
- Menyediakan perkhidmatan dalam bidang pertanian, teknologi pertanian dan pembangunan produk jaminan makanan dalam meningkatkan strategi pemasaran melalui kemudahan inkubator.
- Meningkatkan pengurusan dan promosi dalam ketersediaan sumber dan kepakaran yang ada di UMK.
- Bekerjasama dengan institusi kebangsaan dan antarabangsa yang pakar dalam bidang pertanian dan pelengkap kepada inisiatif oleh agensi-agensi kerajaan terutamanya agensi di bawah MOA iaitu dalam bidang yang berkaitan dengan amalan pertanian dan pengeluaran makanan.

2.6.3 PERANAN INSTITUT PENYELIDIKAN DAN PENGURUSAN KEMISKINAN (InsPeK)

InsPeK memberi tumpuan kepada melaksanakan penyelidikan dan pengurusan kemiskinan, dengan memberi keutamaan kepada empat (4) Teras Utama, iaitu 1) Penyelidikan, 2) Pemindahan Ilmu, 3) Hub kolaborasi, dan 4) Pangkalan data. Ini adalah sesuai dengan visi InsPeK, iaitu “Peneraju dalam penyelidikan dan pengurusan kemiskinan di peringkat global”. InsPeK memfokuskan kepada penyelidikan translasi yang memberi impak secara langsung kepada komuniti miskin dengan pelbagai cara. Antaranya ialah melalui mempengaruhi

polisi, membina pangkalan data yang komprehensif, menjadi pusat rujukan dan kolaborasi antara pemegang taruh dan menghasilkan model pengurusan kemiskinan yang lestari. Kesemua rancangan dan tindakan InsPeK adalah berasaskan Pelan Pelaksanaan Strategik Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK) 2017-2020 telah disediakan untuk tempoh empat (4) tahun, iaitu bermula tahun 2017 hingga tahun 2020.

2.6.4 PERANAN INSTITUT KEPINTARAN BUATAN DAN DATA RAYA (AIBIG)

Institut Kepintaran Buatan dan Data Raya (AIBIG) ditubuhkan dengan matlamat untuk membangun penyelidikan serta memberi perkhidmatan dalam AI dan BD bagi menyokong kelestarian Universiti dan IR4.0. AIBIG juga berperanan untuk:

- Membangun dan mengembangkan teori, teknologi dan aplikasi yang berpotensi memberi impak kepada penyelesaian isu dan cabaran BD.
- Memberi tumpuan kepada platform BD untuk memindahkan teknologi BD berkaitan dengan ekstraksi, integrasi, pengurusan, minig dan visualisasi kepada produk sebenar dengan praktikal dengan berteraskan AI dan pembelajaran mesin.
- Melibatkan diri dalam penyelidikan AI dan BD bersama pihak industri yang memberi kesan ke atas ekonomi dan kesejahteraan social di dalam negara dan dunia.
- Membantu UMK dalam menghasilkan pelajar usahawan yang berilmu dan berkemahiran dalam teknologi untuk terus bersaing dan relevan di masa hadapan.

2.7 BULETIN PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI) - UMK RESEARCH INFOLINK

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) buat julung kalinya telah berjaya menerbitkan Buletin Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Edisi 1/2017 yang dinamakan sebagai UMK Research Infolink. Buletin ini adalah merupakan satu platform saluran maklumat mengenai segala aktiviti dan pencapaian UMK dalam bidang penyelidikan, inovasi, pengkomersialan, perundingan dan jalinan kerjasama dengan pihak industri. Dengan adanya buletin ini diharapkan agar segala maklumat dan informasi dapat disebarluaskan menjadi penghubung dengan semua pihak dalam usaha memastikan Universiti terus cemerlang dan gemilang dalam bidang penyelidikan dan inovasi. Buletin ini juga boleh dimuat turun melalui laman web Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), dengan melayari <http://research.umk.edu.my/v1/index.php/news/research-info-link>



Muka hadapan UMK Research infolink Edisi 1

2.8 LAMAN WEB PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)


Dalam memperkasakan bidang penyelidikan dan inovasi di Universiti Malaysia Kelantan, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) telah membangunkan sebuah Laman Web bagi memudahkan pengguna melayari laman web tersebut untuk mencari sumber atau informasi berkenaan bidang penyelidikan dan inovasi. Laman Web Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) sentiasa dikemaskinikan oleh webmaster yang dilantik oleh Universiti dalam memastikan laman web ini sentiasa dikemaskini dan melaporkan maklumat dan isu semasa. Bagi pengguna yang ingin melayari laman web ini, mereka boleh layari <http://research.umk.edu.my/v1/> yang terdapat pelbagai info semasa tentang penyelidikan dan inovasi.



Laman Web Rasmi Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

2.9 HALATUJU PENYELIDIKAN DAN INOVASI 2016-2020


Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) telah membangunkan pelan strategik transformasi untuk tempoh lima tahun dalam usaha untuk menaikkan martabat UMK dalam penyelidikan dan inovasi. Perancangan tersebut bertindak sebagai asas dan panduan kepada semua dalam memacu agenda penyelidikan dan inovasi di peringkat fakulti/pusat ke arah kecemerlangan. Halatuju bagi Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMK seperti rajah.



Pelan Strategik Penyelidikan dan Inovasi Universiti 2016 – 2020 telah dimaklumkan di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 1 /2016 (kali ke 36) yang telah bersidang pada 17 Mac 2016.

Bengkel Semakan Semula Pelan Strategik Penyelidikan dan Inovasi Universiti 2018 – 2022 diadakan pada 19 hingga 21 Disember 2017.

Summary of the Strategic Planning



26

Bagi memastikan hala tuju yang telah ditetapkan dapat dicapai, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) membuat pemantauan pada setiap suku tahun terhadap semua fakulti/pusat melalui sistem MBoard yang telah dibangunkan oleh UMK. Mboard boleh dicapai melalui <http://mboard.umk.edu.my:8300/mboard/>. Terdapat empat (4) KPI utama dibawah Teras Penyelidikan dan Inovasi iaitu:

1. KPI 1: Keupayaan Penyelidikan
2. KPI2: Penerbitan dan Sitasi Penyelidikan
3. KPI3: Jaringan dan Jangkauan
4. KPI4: Pemindahan teknologi, Harta Intelek dan Pengkomersialan


KPI 3: JARINGAN DAN JANGKAUAN									
NO.	INDICATORS	UNIT DATA/ (Active Staff)	2016		2017				
			ACHIEVE	TARGET	Q1 (JAN-MAR)	Q2 (JAN-JUN)	Q3 (JAN-SEP)	Q4 (JAN-DEC)	ACTION
1	JUMLAH PENDAPATAN YANG DIJANA DARIPADA AKTIVITI PERUNDINGAN/KONSULTANSI (RM JUTA)	RM /	576.000	650,000	56700.00 Upload doc	405.000.00 Upload doc	-	-	Detail Download Upload
2	BILANGAN PROJEK PERUNDINGAN	Number /	100	54.00	100 Upload doc	700 Upload doc	-	-	Detail Download Upload
3	BILANGAN AKTIVITI MOU/MOA BERORIENTASIKAN PENYELIDIKAN	/	7.00	-	0 Upload	0 Upload	-	-	Detail Download Upload

KPI 4: PEMINDAHAN TEKNOLOGI, HARTA INTELEK DAN PENGKOMERSIALAN								
NO.	INDICATORS	UNIT DATA/ (Active)	2016		2017			
			ACHIEVE	TARGET	ACHIEVEMENT			
-	-	-	-	-	-	-	-	-

2017


Pejabat Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan & Inovasi)

LAPORAN TAHUNAN



Bab 3

Pengurusan Penyelidikan



3.1 PENGURUSAN PENYELIDIKAN

Pengurusan penyelidikan adalah aktiviti utama yang dijalankan oleh RMO. Oleh yang demikian, dua jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Penyelidikan dan Inovasi Universiti (JPIU) dan Jawatankuasa Pengurusan Penyelidikan (JPP) telah ditubuhkan dalam memastikan aktiviti penyelidikan di UMK dipantau dengan teliti dan berada di tahap yang terbaik. Kedua-dua jawatankuasa ini mempunyai tanggungjawab dan peranan yang berbeza dalam bidang pengurusan penyelidikan dan penggubalan polisi serta dasar baharu. Perincian bagi kedua-dua jawatankuasa adalah seperti di bawah:

3.1.1 MESYUARAT JAWATANKUASA PENYELIDIKAN DAN INOVASI UNIVERSITI (JPIU)

Pada tahun 2017, semakan semula keahlian Jawatankuasa-Jawatankuasa Tetap Senat (JKTS) telah dibuat melalui Mesyuarat Senat Bilangan 3/2017 (kali ke-94). Jawatankuasa-Jawatankuasa ini adalah termasuk Jawatankuasa Penyelidikan dan Inovasi Universiti (JPIU) yang dipengerusikan oleh Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi). Bidang kuasa JPIU adalah untuk kelulusan dan penggubalan dasar yang baharu bagi memastikan pencapaian penyelidikan dan inovasi di UMK mencapai tahap yang cemerlang.

JPIU bertanggungjawab dalam membuat keputusan bagi pengurusan penyelidikan yang merangkumi :

- JPIU adalah Jawatankuasa Tetap Senat yang berkuasa di dalam penyelidikan, perundingan, harta intelek dan pengkomersialan.
<p>LETTER OF INTENT UNIVERSITI MALAYSIA SELANGOR AND UO SUPERSTORE SDN BHD</p> <p>With the objective of strengthening mutual cooperation as well as working for the promotion of mutual exchange, Universiti Malaysia Selangor (UMS) and UO Superstore Sdn Bhd have concluded the following:</p> <ol style="list-style-type: none"> Both Parties shall cooperate in the field of Case Study Development but not limited to: <ul style="list-style-type: none"> Research on the Success and Failure of Retail Business in Malaysia Research on the Impact of Retail Business on the Society and Economy of the State Research on the Impact of Retail Business on the Environment The history of the Selangor Raya area and Selangor, and explore activities in the different focus areas where the organization in terms of strategy and implementation The term of specific areas of cooperation shall be further discussed and agreed upon in writing by both Parties prior to the conclusion of mutual consent, availability of funds and approval of both Parties. Any specific programme will be subject to mutual consent, availability of funds and approval of both Parties. The Parties agree that the Letter of Intent is not a formal legal agreement giving rise to any legal relationship, right, duty or consequence, but it is only a definite expression and record of the common intention of the two parties to work together in the field of Case Study Development. This Letter of Intent will be effective when both Parties have signed and shall remain in force until termination by either Party giving notice to other party in (3) months notice. The provision of this Letter of Intent may be amended at any time by the mutual consent in writing of both Parties. <p>DATED THIS _____ DAY OF _____ 2017</p> <p>Prof. Dato' Dr. Mohdza bin Mohamed Vice-Chancellor Universiti Malaysia Selangor</p> <p>_____ Signature</p> <p>_____ Name</p> <p>LC MERCHANDISING SDN BHD</p> <p>DATED THIS _____ DAY OF _____ 2017</p> <p>Prof. Dato' Dr. Mohdza bin Mohamed Vice-Chancellor Universiti Malaysia Selangor</p> <p>_____ Signature</p> <p>_____ Name</p>	<p>LETTER OF INTENT UNIVERSITI MALAYSIA SELANGOR AND LC MERCHANDISING SDN BHD</p> <p>With the objective of strengthening mutual cooperation as well as working for the promotion of mutual exchange, Universiti Malaysia Selangor (UMS) and LC Merchandising Sdn Bhd have concluded the following:</p> <ol style="list-style-type: none"> Both Parties shall cooperate in the field of Case Study Development but not limited to: <ul style="list-style-type: none"> Research on the Success and Failure of Retail Business in Malaysia Research on the Impact of Retail Business on the Society and Economy of the State Research on the Impact of Retail Business on the Environment The history of the Selangor Raya area and Selangor, and explore activities in the different focus areas where the organization in terms of strategy and implementation The term of specific areas of cooperation shall be further discussed and agreed upon in writing by both Parties prior to the conclusion of mutual consent, availability of funds and approval of both Parties. Any specific programme will be subject to mutual consent, availability of funds and approval of both Parties. The Parties agree that the Letter of Intent is not a formal legal agreement giving rise to any legal relationship, right, duty or consequence, but it is only a definite expression and record of the common intention of the two parties to work together in the field of Case Study Development. This Letter of Intent will be effective when both Parties have signed and shall remain in force until termination by either Party giving notice to other party in (3) months notice. The provision of this Letter of Intent may be amended at any time by the mutual consent in writing of both Parties. <p>DATED THIS _____ DAY OF _____ 2017</p> <p>Prof. Dato' Dr. Mohdza bin Mohamed Vice-Chancellor Universiti Malaysia Selangor</p> <p>_____ Signature</p> <p>_____ Name</p> <p>LC MERCHANDISING SDN BHD</p>	<p>LETTER OF INTENT UNIVERSITI MALAYSIA SELANGOR AND FASHION VALET Sdn Bhd</p> <p>With the objective of strengthening mutual cooperation as well as working for the promotion of mutual exchange, Universiti Malaysia Selangor (UMS) and Fashion Valet Sdn Bhd have concluded the following:</p> <ol style="list-style-type: none"> Both Parties shall cooperate in the field of Case Study Development but not limited to: <ul style="list-style-type: none"> Research on the Success and Failure of Retail Business in Malaysia Research on the Impact of Retail Business on the Society and Economy of the State Research on the Impact of Retail Business on the Environment The history of the Selangor Raya area and Selangor, and explore activities in the different focus areas where the organization in terms of strategy and implementation The term of specific areas of cooperation shall be further discussed and agreed upon in writing by both Parties prior to the conclusion of mutual consent, availability of funds and approval of both Parties. Any specific programme will be subject to mutual consent, availability of funds and approval of both Parties. The Parties agree that the Letter of Intent is not a formal legal agreement giving rise to any legal relationship, right, duty or consequence, but it is only a definite expression and record of the common intention of the two parties to work together in the field of Case Study Development. This Letter of Intent will be effective when both Parties have signed and shall remain in force until termination by either Party giving notice to other party in (3) months notice. The provision of this Letter of Intent may be amended at any time by the mutual consent in writing of both Parties. <p>DATED THIS _____ DAY OF _____ 2017</p> <p>Prof. Dato' Dr. Mohdza bin Mohamed Vice-Chancellor Universiti Malaysia Selangor</p> <p>_____ Signature</p> <p>_____ Name</p> <p>FASHION VALET Sdn Bhd</p>
--	--	---



Gambar: Senarai LOI yang telah ditandatangani

BIL.	NAMA PENYELIDIK	NAMA SYARIKAT	SKOP KAJIAN	TAJUK CASE STUDY	TEMPOH AKHIR
1.	<ul style="list-style-type: none"> PM Dr. Mohamad bin Ismail (K) Prof. Dr. Razli Bin Che Razak Pn. Ummi Salwa inti Ahmad Bustaman Pn. Norfazlinda Hairani Derweanna Bah Simpong Dr. Abdullah Al-Mamun 	Serai Group	Family Business	“Boosting the Business, Were in”	31 March 2018
2.	<ul style="list-style-type: none"> Dr. Zuraimi Bin Abdul Aziz (K) Pn. Nik Syuhailah Binti Nik Hussian Prof. Madya Dr. Suria Baba En. Mohd Hafzie Bin Suhaimi Prof. Dr. Naresh Kumar A/L Samy 	UO Superstore	Supply Chain	Integrated if Retailing Supply Chain in UO Superstore	31 March 2018
3.	<ul style="list-style-type: none"> Prof. Madya Dr. Rosli Saleh (K) Dr. Hazriah binti Hasan Pn. Aimi Nadia Binti Ibrahim @ Zakaria En. Asyraf Afnan Bin Ahmad Mortadza 	Karangkraf	Media and Communication Business	Manufacturing Through Changes in Sustaining Market Leadership	31 March 2018
4.	<ul style="list-style-type: none"> Dr. Dzulkifli Bin Mukhtar (K) Encik Muhammad Naqib Bin Mat Yunoh Encik Muhammad Fahimi Bin Sofian Puan Nur Ain Binti Mahat Prof. Madya Dr. Rosli Saleh 	DR Group Productions Sdn Bhd	Leadership	The Recipe for sustaining the chocolate King of Asia?	31 March 2018

5.	<ul style="list-style-type: none"> • Dr. Nik Zulkarnaen Bin Khidzir (K) • Dr. Muhamad Saufi Bin Che Rusuli • Dr. Sharulnizam Bin Ramli • Dr. Khairul Azhar Bin Mat Daud 	Les'Copaque Production	Creative Industry	Can Upin Ipin sustain their Brand?	31 March 2018
6.	<ul style="list-style-type: none"> • Dr Asrul Henry Bin Ibrahim (K) • Dr Abdullah Al Mamun • Dr Noorshella Che Nawi 	KAT Technologies	Market Positioning	Diffusion of Innovation and Performance : a Study of Kat Technologies	31 March 2018
7.	<ul style="list-style-type: none"> • Prof. Dr. Nik Maheran binti Nik Muhammad (K) • Prof. Madya Dr. Wee Yu Ghee • Dr. Nur Hafezah Binti Hussein 	Fashion Valet	Youth / Online Business		31 March 2018

Jadual: Senarai penyelidik yang akan terlibat dengan Kajian "Case Study in Retail: Challenges, Solutions and Outcome

7.2.3 SEGI UNIVERSITY & COLLEGE

Segi University & College merupakan salah sebuah universiti swasta yang terbesar di Malaysia. Program-program yang ditawarkan adalah merangkumi bidang pekomputeran kejuruteraan dan sains kesihatan. Pihak UMK telah bersetuju untuk melantik Y.Bhg. Datuk Mohamed Azahari Kamil, Presiden Kumpulan SEGi University & College berkuatkuasa 1 Mei 2016 hingga 30 April 2019 sebagai ahli AGE Council UMK.

Menerusi perbincangan yang diadakan bersama antara pihak pengurusan Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, dengan wakil SEGI University & Colleges iaitu YBhg. Brig. Gen. Prof. Dato'. Dr. Shohaimi Abdullah (R) Timbalan Naib Canselor Penyelidikan, Inovasi dan Jaminan Kualiti yang diadakan pada 26 September 2017, pihak SEGI University & Colleges telah bersetuju bahawa pelaksanaan pertama bagi program dibawah Age Council ini antara kedua pihak akan dilaksanakan menerusi pelaksanaan penawaran program secara Francais iaitu :

- (a) Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Perbankan dan Kewangan Islam) dengan kepujian ; serta
- (b) Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan (Logistik dan Perniagaan Pengedaran) dengan kepujian

Bagi tujuan kerjasama ini, fokus akan diberikan oleh pihak SEGI University & Colleges terhadap pasaran Sabah, Sarawak serta kawasan Selatan Semenanjung Malaysia. Perkara ini bagi mengelakkan berlakunya pertindanan sasaran fokus permohonan pelajar antara pihak UMK dengan SEGI University & Colleges.



7.2.4 NADICORP SDN BHD

Nadicorp Holdings Sdn Bhd merupakan sebuah syarikat pelaburan yang telah berkembang menjadi salah satu daripada konglomerat Bumiputra swasta terbesar hari ini. Nadicorp mempunyai 5 unit perniagaan utama: Pengangkutan, Pembuatan, Property & Plantation, Pertahanan dan perkhidmatan sokongan lain. Pihak UMK telah bersetuju untuk melantik Y.Bhg. Tan Sri Dr. Mohd Nadzmi Mohd Salleh, Pengerusi & Pengarah Urusan Nadicorp Sdn Bhd berkuatkuasa 1 Mei 2016 hingga 30 April 2019 sebagai ahli AGE Council UMK.

Antara kerjasama yang telah dirancang antara UMK dengan NadiCorp Sdn. Bhd ialah membantu mewujudkan Dana Endowment untuk agenda keusahawanan UMK. Bagi Fasa Pertama, sebanyak sepuluh (10) buah syarikat perusahaan kecil telah menerima bantuan dana "Endowment Fund" di mana RM 5,000.00 diperuntukkan untuk setiap usahawan mikro. Bukan hanya sekadar menerima bantuan dari segi wang ringgit semata-mata, para usahawan turut terlibat dengan beberapa buah bengkel yang dianjurkan. Antaranya ialah

- Motivasi Usahawan
- Produk Imej dan Jenama
- Pengurusan Kewangan
- Latihan Pembangunan Business Model Canvas (BMC)
- Strategi Pemasaran
- Business Launching Strategy
- Pengurusan Inovasi
- Strategi Pengiklanan
- Negotiation & Networking



Gambar: Majlis Penyerahan Cek Program Pembangunan Endowmen Usahawan Fasa 1

Pada tahun 2017, Program Endowmen Pembangunan Usahawan UMK-Nadicorp telah berjaya dilaksanakan sebanyak dua (2) fasa. Majlis Penyerahan Cek Program Pembangunan Endowmen Usahawan Fasa 1 telah disampaikan oleh Tan Sri Dr. Mohd Nadzmi Mohd Salleh, Pengerusi Eksekutif Nadicorp Holdings Sdn. Bhd. kepada 10 orang usahawan terpilih bertempat di Dewan Keusahawanan, UMK Kampus Kota pada 13 Februari 2017. Manakala bagi fasa ke-2, Penyerahan Cek Program Endowmen Pembangunan Usahawan telah diadakan pada 19 November 2017 bertempat di Galeri Pembangunan, UMK Kampus Kota. Majlis

tersebut telah disempurnakan oleh YBhg. Prof. Dato' Dr. Hj. Ibrahim bin Che Omar, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) dimana seramai tiga (3) orang usahawan telah menerima bantuan dana tersebut.



Gambar: Majlis Penyerahan Cek Program Pembangunan Endowmen Usahawan Fasa 2



Gambar: Sekitar penganjuran bengkel kepada usahawan yang menerima bantuan dana.

7.2.5 FELDA GLOBAL VENTURES

Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV) adalah syarikat perniagaan tani global terbesar di Malaysia dan merupakan pengeluar terbesar minyak sawit mentah di dunia. Pihak UMK telah bersetuju untuk melantik Y.Bhg. Dato' Zakaria Arshad, Ketua Pegawai Eksekutif Felda Global Ventures berkuatkuasa 1 Mei 2016 hingga 30 April 2019 sebagai ahli AGE Council UMK.

Antara kerjasama yang telah dirancang antara UMK dengan Felda Global Ventures ialah program sangkutan pelajar dan penyelidikan bersama.



Gambar: Sesi perbincangan antara pihak UMK dengan Felda Global Ventures pada 8 Disember 2016 bertempat di Menara Felda, Kuala Lumpur



7.2.6 TAKAFUL IKHLAS BERHAD

Takaful Ikhlas Berhad merupakan syarikat yang menyediakan perkhidmatan perlindungan kewangan Islam yang berlandaskan prinsip dan hukum Syariah. Pihak UMK telah bersetuju untuk melantik Y.Bhg. Datuk Hj. Ab Latiff Hj. Abu Bakar, Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Takaful Ikhlas berkuatkuasa 1 Mei 2016 hingga 30 April 2019 sebagai ahli AGE Council UMK.

Pada tahun 2017, UMK dengan kerjasama Takaful Ikhlas akan mengadakan program sangkutan graduan UMK di mana pelajar telah menjalani program sangkutan selama 6 bulan di bawah tajaan dan bimbingan oleh Takaful Ikhlas sebelum diserap untuk berkhidmat dengan agensi korporat tersebut.

Seramai 20 orang pelajar UMK telah terpilih untuk menjalani program sangkutan di Takaful Ikhlas dimana ianya terdiri daripada 14 orang pelajar wanita dan 6 orang pelajar lelaki.

Para pelajar bukan hanya manjalani latihan industri semata- mata malah turut menerima latihan secara komprehensif sebanyak enam (6) modul. Antaranya ialah:

- Special Program bersama Ceo Takaful Ikhlas Berhad
- Konvensyen Luar Negara
- Perkongsian Ilmu Bersama Pelajar
- Sales Practitioner
- Minggu Amanah Saham Malaysia
- Festival Belia Kelantan



Gambar: Para pelajar UMK terlibat dengan program- program yang dianjurkan oleh Takaful Ikhlas

7.2.7 AVON MALAYSIA


Avon adalah syarikat antarabangsa yang memasarkan produk kecantikan wanita dan perkhidmatan secara global. Pihak UMK telah bersetuju untuk melantik YBrs. Mr. Romulus Sirbu Presiden, Avon Malaysia berkuatkuasa 1 Jun 2016 hingga 30 Mei 2018 sebagai ahli AGE Council UMK.

Pada tahun 2017, pihak UMK dengan kerjasama Avon Malaysia telah melancarkan Kiosk Avon yang terletak di UMK Kampus Kota. Majlis pelancaran telah diadakan pada 10 April 2017 oleh YBhg. Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah bin Che Othman, Pengurus Lembaga Pengarah UMK.



Gambar: Sekitar Majlis pelancaran Kiosk Avon yang terletak di UMK Kampus Kota pada 10 April 2017.

Pembukaan outlet Avon yang pertama di Universiti Awam (UA) ini merupakan program inkubator pelajar dimana manfaatnya adalah untuk memberi pendedahan perniagaan sebenar kepada para pelajar selaras dengan objektif UMK.



Gambarajah: UMK- Avon Business Model



7.2.8 GEO SOLUTION RESOURCES

Geo Solution Resources merupakan syarikat perunding geologi di Semenanjung Malaysia. Geo Solution Resources merupakan pakar dalam penyediaan pakar industri mineral, geologi kejuruteraan, kejuruteraan geoteknikal serta perkhidmatan perundingan. Pihak UMK telah bersetuju untuk melantik YBrs. En. Ahmad Nizam Hasan, Prinsipal Geo Solution Resources berkuatkuasa 1 Mei 2016 hingga 30 April 2019 sebagai ahli AGE Council UMK.

Antara kerjasama yang telah dijalankan bersama Geo Solution Resources ialah program sangkutan pelajar 3+1 dan penyelidikan bersama. Satu makmal akan dibina di Kampus Jeli bertujuan untuk memudahkan proses pembelajaran pelajar. Geo Solution Resources juga akan membantu Fakulti Sains Bumi berkenaan penyemakan modul dan silibus pembelajaran serta penubuhan syarikat siswa.



Gambar: Sesi bergambar kenangan bersama (En. Nizam) serta pelajar-pelajar Geosains pada majlis penutup program "Site Investigation" yang dijalankan pada 13-14 November 2017 di UMK Kampus Jeli.

7.2.9 MAJULIA SDN. BHD

Majulia Sdn. Bhd merupakan sebuah syarikat yang berkecimpung dalam projek pembangunan tenaga yang boleh diperbaharui, yang berfokus kepada small hydropower plant dan large scale solar photovoltaic plant. Syarikat ini mempunyai pengalaman dalam membangunkan tenaga yang boleh diperbaharui di Malaysia dan Sri Lanka dengan kapasiti keseluruhan berjumlah 227.4 MW. Majulia berminat untuk berkolaborasi dengan institusi akademik di Malaysia, bertujuan untuk meningkatkan penyelidikan dan pembangunan portfolio tenaga yang boleh diperbaharui. Pihak UMK telah bersetuju untuk melantik YBhg. Dato Shasuddin bin Hayroni, Pengerusi Eksekutif Majulia Sdn. Bhd berkuatkuasa 1 Oktober 2016 hingga 30 September 2019 sebagai ahli AGE Council UMK.

Pada tahun 2017, UMK dengan kerjasama Majulia Sdn. Bhd telah melaksanakan dua (2) program utama iaitu incinerator dan implementasi panel solar. Projek incinerator merupakan projek penjanaan tenaga menggunakan sisa buangan sampah. Sebagai permulaan, projek tersebut akan dimulakan di kawasan Majlis Daerah Tanah Merah.

Bagi projek kedua kerjasama UMK dengan Majulia Sdn. Bhd, ianya adalah melibatkan projek implementasi tenaga solar. Lokasi utama yang di kenalpasti adalah di UMK Kampus Bachok.



Gambar: Sesi lawatan wakil Majulia Sdn. Bhd ke UMK Kampus Bachok

7.2.10 CREDIT GUARANTEE CORPORATION

Credit Gurantee Corporation berperanan dalam pembangunan ekonomi negara dengan membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang marginal tetapi berpotensi untuk berdaya maju, terutamanya perusahaan tanpa cagaran atau tidak mempunyai cagaran dan rekod yang mencukupi, untuk mendapatkan pembiayaan daripada institusi kewangan. Pihak UMK telah bersetuju untuk melantik YBhg. Datuk Mohd Zamree Mohd Ishak, CEO, Credit Guarantee Corporation berkuatkuasa 1 Oktober 2016 hingga 30 September 2019 sebagai ahli AGE Council UMK.

Antara kerjasama yang telah dirancang antara UMK dengan CGC ialah melalui pelantikan seorang Campus Ambassador dalam kalangan pelajar tahun 2 atau tahun 3 UMK.

Tugasan Campus Ambassador:

- Mempromosikan CGC kepada pelajar UMK menerusi sosial media, pengajuran program yang melibatkan UMK-CGC, penubuhan kelab, pertandingan foto di sosial media dll.
- Melakukan 15 paparan di sosial media setiap bulan- paparan mestilah berkaitan CGC,SME dan UMK
- Memperuntukkan 5 jam sebulan dalam aktiviti mempromosi CGC.
- Mengumpull maklumbalas mengenai CGC menerusi kajian pasaran dan temuramah

Faedah yang diperolehi oleh Campus Ambassador

- Peluang pekerjaan
- Peluang mempertingkatkan hubungan industri
- Meningkatkan kemahiran pemasaran, keusahawanan, komunikasi
- Penjanaan pendapatan
- Pinjaman permulaan perniagaan kepada syarikat pelajar



Gambar: Sesi temuduga pelajar bersama wakil CGC bagi Program Campus Ambassador CGC-UMK.

7.2.11 QSR BRANDS (M) HOLDINGS BERHAD


QSR Brands (M) Holdings Bhd merupakan sebuah industri makanan runcit yang berkembang pesat di Malaysia. Beribu pejabat di Kuala Lumpur, syarikat tersebut mengendalikan restoran makan segera terkenal di Malaysia seperti Pizza Hut, Kentucky Fried Chicken (KFC) dan Ayamas. Pihak UMK telah bersetuju untuk melantik Y.Bhg. Datuk Mohamed Azahari Kamil, Pengarah Urusan Kumpulan QSR Brand (M) Holdings Bhd. berkuatkuasa 16 Ogos 2017 hingga 15 Ogos 2019 sebagai ahli AGE Council UMK.

Pihak QSR Brands amat berbesar hati untuk bekerjasama dengan pihak FHPK bagi menawarkan program pengajian melalui mod 2u 2i selari dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi).

Pihak QSR Brands berbesar hati menyediakan tempat latihan yang kondusif dan fleksibel kepada semua pelajar UMK yang bakal mengikuti program pengajian tersebut. Pembelajaran melalui pengalaman kerja (experiential learning) seperti ini dilihat mampu mendorong pembelajaran yang baharu selain mendedahkan pelajar dengan susasana bekerja yang sebenar semasa program pendidikan dijalankan.

Program pengajian yang dicadangkan ini dapat memberikan faedah secara langsung kepada pelajar, UMK dan pihak industri di mana jurang ketidak sepadanan bekalan dan kehendak di antara UMK dan industri dapat dikurangkan. Selain itu, kerjasama bersama industri ini dilihat dapat memberikan peluang kepada industri untuk melatih pelajar dengan memberikan pendedahan kepada cara kerja yang baik.

Penawaran program ini dijangka akan dapat bermula September 2018 melalui penyertaan seramai 50 orang pelajar. Penawaran program ini dapat memberikan peluang kepada pelajar untuk berada di semua cawangan QSR Brands seperti KFC, Pizza Hut, Life Brands and Ayamas.



Gambar: Sekitar sesi perbincangan pihak UMK bersama wakil QSR Brands (M) Holdings Bhd

7.3 PERINCIAN KERJASAMA ANTARA UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN DENGAN INDUSTRI YANG BEKERJASAMA DALAM UMK AGE COUNCIL PERINGKAT BERSEKUTU

7.3.1 KHAZANAH NASIONAL

Projek kerjasama UMK dengan Khazanah Nasional adalah melibatkan Projek Rural Transformation Program for Mambong, Senggora, Serunding. Bagi merealisasikan kerjasama tersebut, satu lawatan Kembara Khazanah 2 telah diadakan di beberapa tempat di sekitar Kelantan pada 8 hingga 12 Oktober 2017. Hasil daripada lawatan tersebut, beberapa perkara telah dipersetujui bagi tujuan kerjasama tersebut. Antaranya ialah pembagunan Data Pelancongan dan penghasilan Coffee Table Book “Menyelusuri Lembangan Pengkalan Datu” Kembara Khazanah – UMK2.0.




Gambar: Lawatan Kembara Khazanah 2 telah diadakan di beberapa tempat di sekitar Kelantan pada 8 hingga 12 Oktober 2017.

7.3.2 MALAYSIAN FINANCIAL PLANNING COUNCIL

Seminar kewangan dan kekayaan adalah kerjasama antara GERIC- UMK, Malaysian Financial Planning Council (MFPC) dan Persatuan Perancang Kewangan Bijak Malaysia yang antara lain bertujuan untuk memberi pendedahan tentang kepentingan perancangan kewangan dan juga melancarkan penubuhan “wealth Lab” di universiti ini.

7.3.3 GLOBAL INNOVATION & ENTREPRENEURSHIP FOUNDATION (GIEF)

UMK dengan kerjasama GIEF akan melaksanakan Projek Creative Bamboo Garden (CBG) di UMK Kampus Jeli. Projek ini adalah untuk menaiktarafkan kawasan yang terletak di persekitaran rumah tetamu Kampus Jeli, Universiti Malaysia Kelantan, kawasan di belakang gerai/mall perniagaan pelajar (student's kiosks), sekitar tasik masjid, dan kawasan lapang antara bangunan tadika dan tasik dengan menanam buluh sebagai landskap lembut (soft landscape) berserta dengan pembinaan dan pemasangan kerusi dan meja batu dan lampu taman sebagai binaan landskap tegar (hard landscape). Pengubahsuaian landskap ini akan bertemakan buluh dan ini akan menjadikan kawasan ini di masa hadapan sebagai tarikan pelawat awam untuk berhat dan bersantai sambil menikmati keindahan landskap taman.



Gambar : Pelan landskap yang dirancang untuk menanam pelbagai jenis pokok buluh di sekitar kawasan hadapan Universiti Malaysia Kelantan, Kampus Jeli.



7.3.4 AGENSI INOVASI MALAYSIA (AIM)

Kerjasama antara UMK dan Agensi Inovasi Malaysia (AIM) adalah melibatkan projek SME Innovation Index (SMEII). SME Innovation Index (SMEII) merupakan alat penilaian diri yang akan dibangunkan bersama GERIC dan AIM bertujuan mengukur tahap inovasi syarikat-syarikat kecil dan sederhana (IKS).



Gambar: Bengkel Inovasi Dan Pengkomersialan oleh Pihak Platcom Ventures pada 8 Februari 2017.

7.4 KERJASAMA ANTARA AGE COUNCIL PERINGKAT UNIVERSITI DENGAN SYARIKAT SISWA UNIVERSITI





7.5 PROJEK KERJASAMA PENYELIDIKAN SWASTA / INDUSTRI

Universiti Malaysia Kelantan di bawah penyeliaan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) telah mengorak langkah menjayakan hasrat Universiti dalam bidang penyelidikan. Sepanjang tahun 2017, tiga (3) perjanjian (MOA), satu (1) memorandum persefahaman (MOU) dan enam (6) LOI telah ditandangani dalam bidang penyelidikan dan keusahawanan.

7.5.1 UMK DENGAN DISTINCT LEGACY SDN. BHD. (DLSB)

UNIVERSITI Malaysia Kelantan (UMK) melakar sejarah tersendiri menjadi Universiti Awam (UA) pertama menandatangani perjanjian (MoA) dengan Distinct Legacy Sdn. Bhd. (DLSB), sebuah syarikat makanan dan minuman terkemuka yang berteraskan gaya oriental ‘kopitiam’ bagi melaksanakan pelbagai program kerjasama melibatkan pelbagai bidang akademik dan keusahawanan. Melalui pemeterai perjanjian tersebut, DLSB telah menyumbang sebanyak RM 50,000 bagi dijadikan modal permulaan perniagaan kepada pelajar. Pihak DLSB telah bersetuju menyediakan peruntukan untuk pertandingan pelan perniagaan pelajar (Student Business Plan) dimana pemenang untuk pertandingan ini akan menerima pembiayaan kewangan berjumlah RM 50,000 bagi dijadikan modal permulaan perniagaan kepada pelajar.

Majlis memeterai MoA itu ditandatangani oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMK, Prof. Dato' Dr. Ibrahim Che Omar manakala Distinct Legacy Sd. Bhd., diwakili oleh Pengarah Urusan Kumpulan DLSB, Dato' Dr. Ahmad Ramzi Mohamad Zubir. Kerjasama ini membolehkan FKP memainkan peranan strategiknya dalam konteks menjayakan agenda keusahawanan universiti dalam konteks kerjasama dengan pihak industri.



7.5.2 UMK dengan Darulnaim Agro Management Industries Sdn. Bhd. (DAMAI)

Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah menandatangani perjanjian (MoA) dengan Darulnaim Agro Management Industries Sdn. Bhd. pada 24 Oktober 2017 di UMK Kampus Jeli. DAMAI merupakan anak syarikat Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK), yang menawarkan perkhidmatan penanaman dan pembangunan tanah pertanian. Projek kerjasama antara UMK dan DAMAI adalah melibatkan projek penyelidikan dan pengkomersilan benih pisang Dr. Fatimah binti Changgrik @ Kayat dan Dr. Suhaimi bin Othman @ Osman dari Fakulti Industri Asas Tani yang menggunakan teknologi Corm-Tech.

Penyelidik akan menghasilkan benih pisang yang bermutu dan bebas daripada penyakit yang akan dijual kepada pihak DAMAI mengikut permintaan. DAMAI akan membangunkan nurseri induk di tapak ladang yang sesuai menggunakan benih pisang yang dibeli sebelum dijual kepada pelanggan. Majlis memeterai MoA itu ditandatangani oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMK, Prof. Dato' Dr. Ibrahim Che Omar manakala DAMAI diwakili oleh Pengurus, En Hasnan bin Hasan.



Gambar: UMK telah menandatangani perjanjian (MoA) dengan Darulnaim Agro Management Industries Sdn. Bhd. pada 24 Oktober 2017 di UMK Kampus Jeli

7.5.3 UMK DENGAN CREDIT GUARANTEE CORPORATION

UNIVERSITI Malaysia Kelantan (UMK) telah menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) dengan Credit Guarantee Corporation bagi penganjuran program Campus Ambassador. Pemeteraian tersebut telah disempurnakan oleh YBrs. Encik Syed Naufal Shahabudin, Ketua Pegawai Kewangan CGC dan Prof. Dato' Dr. Mortaza Mohamed, Naib Canselor UMK. UMK dan CGC bersetuju melantik seorang 'campus ambassador' yang bertindak sebagai agen CGC bagi mewujudkan kesedaran dan memberikan maklumat tepat dan cepat berkenaan kemudahan yang disediakan oleh CGC kepada PKS dan bakal PKS. Kerjasama ini akan menyokong agenda keusahawanan UMK, meningkat keberadaan UMK sebagai universiti keusahawanan di mata masyarakat, di samping menambahkan kesedaran jenama CGC dikalangan pihak-pihak berkepentingan.

7.5.4 UMK DENGAN QSR BRANDS (M) HOLDINGS BERHAD

UNIVERSITI Malaysia Kelantan (UMK) telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan QSR Brands (M) Holdings Bhd bagi penawaran program Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Restoran, Fakulti Hospitaliti Pelancongan dan Kesejahteraan di UMK yang akan bermula pada tahun 2018.

Majlis menandatangani MoU itu telah diadakan pada 25 September 2017 di UMK Kampus Kota dan disempurnakan oleh Naib Canselor UMK, Prof. Dato' Dr. Mortaza Mohamed dan Pengarah Urusan QSR Brands, Dato' Mohamed Azahari Kamil.

Majlis menandatangani MoU tersebut turut disaksikan oleh Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Seri Idris Jusoh, Presiden dan Ketua Eksekutif Johor Corporation merangkap Penggerusi QSR Brands (M), Holdings Bhd, Dato' Kamaruzzaman Abu Kassim dan Penggerusi Lembaga Pengarah Universiti, Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah Che Othman.



Gambar: Sekitar majlis pemeteraihan persefahaman antara UMK dengan QSR Brands (M) Holdings Bhd

7.5.5 UMK DENGAN YAYASAN MUHIBAH TAN SRI FNG AH SENG

Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah menerima dana sebanyak RM1 juta daripada Yayasan Muhibah Tan Sri Fng Ah Seng untuk melaksanakan program inovasi dan penyelidikan keusahawanan di univesiti tersebut.

Majlis penyerahan surat sumbangan tersebut telah diadakan pada 20 September 2017 bertempat di UMK Kampus Kota. Yayasan Muhibah Tan Sri Fng Ah Seng telah bersetuju untuk menyumbang sebanyak Ringgit Malaysia Satu Juta Ringgit (RM1,000,000.00) sahaja bagi pembangunan dana yang dikenali sebagai Dana Inovasi Penyelidikan dan Keusahawanan Tan Sri Fng Ah Seng (Tan Sri Fng Ah Seng Research Innovation and Entrepreneurship Fund).



Gambar: Majlis penyerahan surat sumbangan Yayasan Muhibah Tan Sri Fng Ah Seng

7.5.6 UMK DENGAN SYARIKAT- SYARIKAT YANG BERNAUNG DI BAWAH BUMIPUTRA RETAILERS ORGANIZATION

Bagi tahun 2017, pihak BRO dengan kerjasama UMK telah melaksanakan projek kajian “Case Study in Retail: Challenges, Solutions and Outcome. Antara industri yang terlibat dengan kajian tersebut ialah

- SERAI GROUP SDN BHD- Perniagaan Keluarga
- LC MERCHANDISING SDN BHD – industri kreatif
- FASHION VALET- perniagaan atas talian
- KAT TECHNOLOGIES – kedudukan pasaran

- KUMPULAN MEDIA KARANGKRAF SDN. BHD. – Perniagaan media dan komunikasi
- UO SUPERSTORE – rantaian bekalan

Bagi memudahkan lagi kajian tersebut, kesemua syarikat yang disenaraikan di atas telah menandatangai satu LOI sebagai tanda mereka bersetuju untuk terlibat dengan kajian tersebut.



Gambar: LOI yang telah ditandatangani oleh enam (6) syarikat yang bersetuju untuk bekerjasama dengan UMK.

7.6 JAWATANKUASA TETAP LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI BAGI TUJUAN PENYELARASAN DAN PEMANTAUAN PELAKSANAAN KERJASAMA MOA/ MOU/ LOI DAN LAIN- LAIN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Kerjasama dengan pihak luar merupakan salah satu strategi UMK untuk berkongsi keupayaan UMK bagi menjayakan agenda tertentu di Universiti. Sehingga kini, UMK telah melaksanakan dan menjalin kerjasama dengan berbagai pihak bagi tujuan sama ada untuk memantapkan pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan inovasi serta kerjasama dalam pembangunan pelajar dan perkhidmatan kepada masyarakat.

Sehubungan dengan itu, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) telah mengambil inisiatif dengan menubuhkan Jawatankuasa Tetap Pemantauan Pelaksanaan Kerjasama MoA/ MoU/ Lol dan lain- lain Universiti Malaysia Kelantan bertujuan untuk menyelaras dan memantau pelaksanaan jalinan kerjasama Universiti dengan pihak luar, sama ada dengan pihak institusi pengajian tinggi yang lain, industri atau agensi kerajaan.

7.6.1 PERANAN JAWATANKUASA

- Menyelaras, mengulas, mamantau dan memperakukan cadangan serta pelaksanaan kerjasama MoA/ MoU/ Lol dan lain- lain di peringkat universiti.



- Menyemak isi kandungan kerjasama MoA/ MoU/ Lol dan lain- lain sebelum dibentangkan di peringkat Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti.
- Mengesahkan kesahihan individu, agensi dan industri yang akan terlibat untuk berkerjasama.
- Mencadangkan penampaikan hubungan dengan agensi dan industri yang akan terlibat untuk berkerjasama, termasuk mencadangkan startegi baru dalam kerjasama ini..
- Memastikan PTj menyediakan KPI yang berkesan bagi memastikan kerjasama MoA/ MoU/ Lol dan lain- lain menghasilkan faedah yang maksimum.
- Menilai laporan daripada PTj yang terlibat dari segi pencapaian dari segi pelaksanaan kepada Jawatankuasa Tetap Penyelaras dan Pemantauan Pelaksanaan Kerjasama MoA/ MoU/ Lol dan lain- lain
- Membuat penilaian dan pengesahan permohonan untuk penyambungan atau penamatan sesuatu jalinan kerjasama ini.

7.6.2 KEAHLIAN JAWATANKUASA

Pengerusi: Salah seorang ahli tetap Lembaga Pengarah Universiti
Setiausaha: Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)


Ahli :

- I. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) - bagi pelaporan Pelaksanaan Kerjasama MoA/ MoU/ Lol dan lain- lain yang berkaitan hal ehwal akademik
- II. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) - bagi pelaporan Pelaksanaan Kerjasama MoA/ MoU/ Lol dan lain- lain yang berkaitan aktiviti Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
- III. Pengarah Pejabat Jaringan Industri dan Kolaborasi - bagi pelaporan Pelaksanaan Kerjasama MoA/ MoU/ Lol dan lain- lain yang berkaitan hal ehwal penyelidikan
- IV. Seorang ahli tetap Lembaga Pengarah Universiti
- V. Penasihat Undang- Undang

Urusetia : Pejabat Jaringan Industri dan Kolaborasi, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

7.6.3 CARTA ALIR PROSEDUR PENYEDIAAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) DAN MEMORANDUM PERJANJIAN (MOA) UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN





7.7 CHAIRMAN LECTURE SERIES

Pada 4 Mei 2017, Pejabat Jaringan Industri dan Kolaborasi, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) telah menganjurkan satu siri syarahan Chairman Lecture Series. Syarahan tersebut telah disampaikan oleh YBrs. En. Abdul Jammi Karim, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif / Pengurus Besar Perkhidmatan Korporat Permodalan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) dengan tajuk "Retailing Industries: PUNB Experiennce". Beliau telah digandingkan bersama YBhg. Prof. Dr. Nik Maheran Binti Nik Muhammad Pengarah usat Keusahawanan Global, Penyelidikan & Inovasi Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Tajuk syarahan yang disampaikan oleh YBhg. Prof. Dr. Nik Maheran ialah Retail Gentrification and Urban Regeneration in Malaysia: A Loss To Bumiputera?.



Program tersebut telah disempurnakan oleh Prof. Dato' Dr. Hj. Ibrahim Bin Che Omar, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) dan dihadiri oleh pegawai kanan UMK yang lain. Turut hadir ialah 400 orang tetamu yang terdiri daripada pelajar UMK, usahawan di negeri Kelantan dan pelajar-pelajar sekolah yang berhampiran.



Sumber: Utusan Malaysia, 9 Mei (Selasa)



Gambar : Sekitar program Chairman Lecture Series yang disampaikan oleh YBrs. En. Abdul Jammi Karim dan YBhg. Prof. Dr. Nik Maheran Binti Nik Muhammad

7.8 INISIATIF LAIN PEJABAT JARINGAN INDUSTRI DAN KOLABORASI

7.8.1 KERJASAMA UMK-ASTRO AWANI

Pada 25 Mei 2017, Pejabat Jaringan Industri dan Kolaborasi, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) telah menganjurkan ceramah motivasi bersama Astro Awani Network Sdn. Bhd. Ceramah motivasi tersebut telah disempurnakan oleh Encik Nazri bin Kahar, Penerbit Kanan Astro Awani Network Sdn. Bhd dan diadakan di Bilik Mesyuarat Lembaga Senat, UMK Kampus Kota. Program tersebut telah dihadiri oleh 50 orang pelajar UMK. Program tersebut diadakan bertujuan untuk mengukuhkan lagi kerjasama industri antara pihak UMK dengan Astro Awani Network Sdn. Bhd. Bersempena dengan program tersebut, turut diadakan sesi perbincangan kerjasama antara kedua-dua pihak. Kedua-dua pihak telah bersetuju untuk mengadakan kerjasama bagi pengkomersialan produk-produk inovasi UMK di saluran Astro Awani Network Sdn. Bhd, mempromosikan agenda keusahawanan UMK, mempromosikan kepakaran UMK kepada mesyarakat luar, menjayakan projek Awani Rangers bersama-sama pelajar UMK.



Gambar: sekitar program, Ceramah motivasi yang telah disempurnakan oleh Encik Nazri bin Kahar, Penerbit Kanan Astro Awani Network Sdn. Bhd

7.8.2 KERJASAMA UMK - JABATAN STATISTIK NEGARA MALAYSIA

Universiti Malaysia Kelantan akan mengadakan kerjasama melalui memorandum persefahaman (MOU) dengan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dalam bidang penyelidikan dan perkongsian ilmu statistik serta beberapa kerjasama dalam perkara seperti berikut:

- i. DOSM memberi sokongan dari segi pembekalan data dari masa ke semasa kepada UMK bagi tujuan penyelidikan pelajar dan para penyelidik;
- ii. Pertukaran/penempatan kakitangan akademik/penyelidik;
- iii. Pertukaran bahan-bahan saintifik dan penerbitan;
- iv. Penempatan pelajar latihan industri;
- v. Penerimaan kakitangan DOSM untuk melanjutkan pelajaran di UMK; dan
- vi. Lain-lain kerjasama yang difikirkan perlu dan sesuai dilaksanakan oleh pihak DOSM dan UMK.

Kerjasama ini akan dijalankan bersama dengan Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan. Memorandum persefahaman (MOU) tersebut dijangka akan ditandatangani pada tahun 2018.

7.8.3 KERJASAMA UMK - SYARIKAT BURSA SAHAM

Bursa Saham dengan pihak Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan serta Pejabat Hal Ehwal Pelajar akan menubuhkan Bursa Young Club di mana aktiviti-aktiviti akan ditaja sepenuhnya oleh pihak Bursa Saham. Antara aktiviti lain yang dicadangkan ialah penyelidikan dan program akademik.

7.8.4 KERJASAMA UMK - ISUZU KELANTAN

Kerjasama antara pihak UMK dengan Isuzu Kelantan adalah melibatkan bidang penyelidikan dan pemasaran produk Isuzu. Bersempena dengan Minggu



Penyelidikan dan Inovasi yang diadakan pada 24 hingga 26 Oktober 2017, pihak Isuzu telah menandatangai Surat Hasrat untuk menjalani kerjasama dengan pihak UMK.



Gambar: Majlis menandatangai Surat Hasrat untuk menjalani kerjasama antara pihak UMK dengan Isuzu Kelantan.

7.8.5 MAJLIS MENANDATANGANI LETTER OF INTENT (LOI) UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN DENGAN UNIVERSITY OF BENGKULU, INDONESIA

Pada 2 April 2017 UMK dengan University of Bengkulu telah menandatangani Letter of Intent (LoI) bagi mengadakan kerjasama dalam bidang penyelidikan bersama dalam warisan, keusahawanan, pelancongan, pertanian, undang-undang, sains sosial dan lain-lain bentuk kerjasama akademik. LoI ini telah ditandatangani oleh Naib Canselor UMK, Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mortaza Bin Mohamed dan Dr. Ridwan Nurazi, Rektor University of Bengkulu.



2017

Pejabat Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan & Inovasi)

LAPORAN TAHUNAN



Bab 8



8.0 BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN (BPK)

Bahagian Pentadbiran dan Kewangan (BPK) adalah merupakan bahagian yang menguruskan hal ehwal pentadbiran dan kewangan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) termasuk juga urusan perolehan yang melibatkan pejabat-pejabat dibawah Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi).


Bermula Julai 2017, seramai empat (4) orang staf kewangan (Gred W) yang ditempatkan di BPK telah dipindahkan semula kepada Pejabat Bendahari. Akibat daripada perpindahan ini, urusan perakaunan dan proses pembayaran bagi geran penyelidikan dan pengurusan tabung amanah Universiti Malaysia Kelantan yang sebelum ini diuruskan oleh BPK, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) telah dipindahkan dan diuruskan sepenuhnya oleh Pejabat Bendahari.

8.1 BELANJA MENGURUS PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR PENYELIDIKAN DAN INOVASI (TNCPI)

Jadual 8.1: Laporan Perbelanjaan Mengurus TNCPI 2017

KUMPULAN WANG MENGURUS PEJABAT TNCPI	
	2017
	RM
PENDAPATAN:	
Pemberian Kerajaan	
-Peruntukan asal	249,000.00
-Peruntukan tambahan	545,000.00
Tolak : Perbelanjaan	
Vot 10000	9,263.33
Vot 20000	572,480.84
Vot 30000	0.00
Vot 40000	1,392.45
Lebihan pendapatan 15 Disember 2017	210,863.38
Baki pada 15 Disember 2017	210,863.38

Perbelanjaan mengurus bagi Pejabat Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi (TNCPI) sehingga 15 Disember 2017 merekodkan perbelanjaan sebanyak RM583,136.62 dan mempunyai baki peruntukan sebanyak RM210,863.38. Lebihan ini adalah disebabkan oleh arahan pembekuan perbelanjaan oleh Pejabat Bendahari bagi perolehan yang dilaksanakan pada bulan November hingga Disember 2017.




Rajah 8.1 : Analisis Prestasi Perbelanjaan dan Penganjuran Program 2017

Data perbelanjaan ini adalah sehingga 15 Disember 2017 dan data ini tertakluk kepada perubahan sehingga penutupan akaun bagi tahun berakhir 2017. Rajah menunjukkan perbelanjaan tertinggi pada bulan Mac 2017 iaitu sebanyak RM103,606.14 manakala perbelanjaan terendah pada bulan Julai 2017 iaitu sebanyak RM14,284.39. Jumlah keseluruhan program yang dianjurkan oleh Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) mencatatkan sebanyak 96 program sepanjang tahun 2017. Bulan April mencatatkan penganjuran program tertinggi iaitu sebanyak 16 program berbanding 2 program sahaja pada bulan Jun.

8.2 PELAPORAN GERAN PENYELIDIKAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Laporan perbelanjaan geran penyelidikan bagi tahun 2016 dan 2017 seperti rajah di bawah.



Rajah 8.2 : Analisis Perbelanjaan Mengikut Jenis Geran

Data perbelanjaan ini adalah sehingga 15 Disember 2017 dan data ini tertakluk kepada perubahan sehingga penutupan akaun bagi tahun berakhir 2017. Seperti yang kita lihat, geran NRGS merekodkan perbelanjaan terkumpul terbanyak berbanding tahun sebelumnya. Manakala, graf bagi geran RAGS menunjukkan penurunan perbelanjaan kerana hanya lima (5) projek sahaja yang masih berstatus aktif. Bagi geran ERGS pula, tiada sebarang perbelanjaan bagi tahun 2017 kerana geran tersebut telah pun tamat tempoh.

8.3 PELAPORAN TABUNG AMANAH, PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)


Terdapat empat (4) Tabung Amanah di bawah Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) yang aktif sehingga 15 Disember 2017. Perincian bilangan Akaun Amanah mengikut Tabung Amanah adalah sebagaimana jadual berikut:

Jadual 8.2: Perincian Bilangan Akaun Amanah Mengikut Tabung Amanah

BIL.	TABUNG AMANAH	BILANGAN AKAUN AMANAH	BAKI SEHINGGA 15 DISEMBER 2017
1	Enterprise TNCPI	15	690,963.65
2	Endowmen Keusahawanan UMK	1	307,175.94
3	Penyelidikan & Konsultansi	125	13,070,188.71
4	Global Entrepreneurship Research Innovation Center (GERIC)	12	570,974.51
	JUMLAH	153	14,639,302.81

Tabung Amanah di bawah Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Universiti Malaysia Kelantan sehingga 15 Disember 2017 adalah sebanyak 153 tabung. Tabung amanah penyelidikan dan konsultansi mempunyai bilangan akaun amanah yang paling tinggi iaitu sebanyak 125.

8.3.1 LAPORAN PERBELANJAAN TABUNG AMANAH UNIVERSITI




Rajah 8.3.1 (a): Peratusan Perbelanjaan Tabung Amanah

Rajah 8.3.1(a) menunjukkan peratusan perbelanjaan bagi tabung amanah di bawah pengurusan Pejabat Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Universiti



Malaysia Kelantan (UMK). Tabung Amanah Global Entrepreneurship Research Innovation Center (GERIC) merekodkan perbelanjaan 42 peratus sepanjang tahun 2017. Selain itu, Tabung Enterprise Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) menunjukkan peratus terendah kerana kebanyakan sub akaun di bawah tabung amanah baru diwujudkan pada pertengahan tahun 2017.



Rajah 8.3.1(b): Analisis Perbelanjaan Dan Baki Awal

Bagi rajah 8.3.1(b) kesemua tabung amanah masih lagi mempunyai baki yang mencukupi dan tiada perbelanjaan yang melebihi peruntukan. Tabung amanah Penyelidikan dan Konsultansi mempunyai baki tertinggi di mana sehingga 15 Disember 2017 terdapat baki sebanyak RM13,070,188 kerana geran Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) bagi Fasa 1/2017 baru diterima daripada Kementerian Pendidikan Malaysia pada bulan Ogos yang lepas.

2017

Pejabat Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan & Inovasi)

LAPORAN TAHUNAN



202



Bab 9

Perundingan, Harta Intelek, Pengkomersialan & Anugerah Inovasi

9.1 BENGKEL LATIHAN PENILAI DALAMAN

Bengkel Latihan Penilai Dalaman merupakan salah satu inisiatif pihak RMO bertujuan untuk melatih barisan penilai geran dalaman universiti bagi membantu membuat penilaian ke atas permohonan geran-geran sama ada dalaman, nasional ataupun antarabangsa. Secara tidak langsung, peserta yang terdiri daripada staf akademik daripada pelbagai fakulti dan pusat mampu memberi penilaian yang lebih kritis dan berobjektif bagi tujuan menambahbaik permohonan sekaligus meningkatkan kebarangkalian kejayaan permohonan geran berkaitan.

Penceramah bagi bengkel ini adalah Prof.' Dato' Dr. Nik Muhamad Nik Ab Majid yang merupakan salah seorang penilai bagi geran yang diuruskan oleh pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). Pengalaman luas yang dimiliki oleh beliau dapat membantu barisan penilai dalaman UMK untuk membuat penilaian yang lebih berdaya saing dan mempunyai nilai yang tinggi.

Bengkel ini telah dihadiri seramai 31 orang pensyarah dan diadakan di UMK Kampus Kota pada 18 Januari 2017 yang lepas.





9.2 BENGKEL PEMURNIAN DAN PENILAIAN GERAN

Bengkel penilaian dan pemurnian geran dianjurkan oleh RMO setiap kali geran kerajaan ditawarkan. Ianya adalah bertujuan untuk memastikan penilaian dapat dilakukan sebagaimana yang telah ditentukan oleh pemberi geran, selain memastikan proposal yang dihantar adalah yang terbaik. Setelah penilaian dibuat, proposal akan dimurnikan semula oleh pemohon sebelum dihantar kepada pemberi geran mengikut tarikh tutup permohonan geran tersebut.

Pihak RMO telah mengadakan enam (6) Bengkel Penilaian dan Pemurnian Geran pada tahun 2017 (Jan – Mei) iaitu bagi Skim Geran Penyelidikan Pembangunan Prototaip (PRGS), Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS), Skim Geran Jangka Pendek INSPEK (SGJP INSPEK), Skim Geran Knowledge Tranfer Programme (KTP), Geran Antarabangsa dan Geran MOSTI.

BIL.	JENIS GERAN	JUMLAH KERTAS CADANGAN DINILAI DAN DIMURNIKAN
1	PRGS	5
2	FRGS	87
3	SGJP INSPEK	44
4	KTP	10
5	Geran Antarabangsa	16
6	Geran MOSTI	15
Jumlah Keseluruhan		177



9.3 BENGKEL ETIKA PENYELIDIKAN

Pada 22 - 23 Februari yang lepas, RMO telah menganjurkan satu bengkel etika penyelidikan di PCB Resort, Kota Bharu.

Bengkel ini bertujuan untuk menyediakan satu dokumen lengkap berkaitan etika penyelidikan di UMK yang mana melibatkan: i) etika asas penyelidikan, ii) etika penyelidikan haiwan dan iii) etika penyelidikan manusia. Untuk makluman, etika ini belum pernah disediakan di UMK dan ianya merupakan komponen penting dalam permohonan geran-geran luar terutamanya yang melibatkan penggunaan haiwan seperti Akta 772, Akta Kebajikan Haiwan 2015, Undang-undang Malaysia. Penyediaan etika ini diperlukan dengan segera kerana penyelidik tidak dapat memohon sesetengah geran yang ditawarkan oleh pihak penaja memandangkan lampiran etika penyelidikan universiti yang lengkap mestilah disertakan bersama permohonan geran penyelidikan tersebut.

Bengkel ini dihadiri oleh seramai 45 orang penyelidik yang berperanan membentuk satu etika penyelidikan di UMK. Bengkel ini berjalan dengan jayanya selama dua hari.



9.4 RMO MEMBUDAYAKAN GERAN MOSTI DENGAN PENGANJURAN BICARA GERAN MOSTI DAN BENGKEL PEMURNIAAN GERAN MOSTI

Pada 6 April 2017, satu pertemuan dengan penyelidik UMK yang bertajuk Bicara Geran MOSTI telah diadakan di Sutera Inn Prima, Kota Bharu. Aktiviti ini telah dihadiri seramai 72 orang pensyarah UMK yang ingin mengetahui tentang geran yang ditawarkan oleh MOSTI. Bicara ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu penegenalan kepada geran MOSTI terkini dan geran antrabangsa yang diuruskan oleh pihak MOSTI iaitu geran ASEAN dan APEC. Tujuan diadakan aktiviti ini adalah untuk membudayakan penjanaan idea penyelidikan ke arah permohonan geran MOSTI secara agresif supaya penyelidik tidak hanya menumpu harap kepada geran penyelidikan nasional daripada Kementerian Pengajian Tinggi yang juga kompetitif.

Dua orang penceramah yang mempunyai pengalaman bermakna tentang geran MOSTI dijemput untuk berkongsi pengalaman. Penceramah luar dari Universiti Penyelidikan (Universiti Putra Malaysia) adalah Prof Dr Noordin Mohamed Mustapha. Selain daripada itu, Prof. Dr. Imad Ibrahim Ali Al-Sultan daripada Fakulti Perubatan Veterinar Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah juga meluangkan masa beliau memberi petua menghasilkan kertas cadangan penyelidikan ke tahap berkeupayaan tinggi untuk



diterima oleh penilai pemberi geran.

Selain daripada itu, ceramah sesi dua pula memberi peluang kepada Prof. Madya Dr. Seri Intan Binti Mokhtar daripada Institut Penyelidikan Jaminan Makanan Dan Pertanian Lestari (IFSSA), Universiti Malaysia Kelantan (UMK) untuk menerangkan berkenaan peluang pensyarah memohon geran antrabangsa yang diuruskan oleh pihak MOSTI iaitu geran ASEAN dan APEC. Secara amnya, ceramah ini berjaya mengutarakan peluang-peluang kepada pensyarah UMK untuk mengetengahkan idea penyelidikan bagi memohon geran yang ditawarkan oleh pihak MOSTI. Ceramah yang bermula pada pukul 8.30 pagi ini tamat pada pukul 4.00 petang.

Rentetan daripada Bicara Geran MOSTI yang telah diadakan pada 6 April 2017, satu Bengkel Pemurnian Geran MOSTI telah diadakan pada 24 Mei 2017. Bengkel ini telah dihadiri seramai 15 orang pensyarah di mana 15 kertas cadangan telah dimurnikan. Pemurnian ini adalah untuk memastikan kertas cadangan bermutu tinggi dan mengikut ketetapan pihak pemberi geran. Cadangan pemurnian ini diikuti dengan pembetulan oleh pemohon geran sebelum dikirim kepada MOSTI.

- i) Kata aluan oleh Pengarah, Pejabat Pengurusan Penyelidikan (RMO)



- ii) Para pensyarah sedang khusyuk mendengar Bicara Geran MOSTI



- iii) Para pensyarah sedang khusyuk mendengar Bicara Geran MOSTI



9.5 BENGKEL PEMURNIAAN KERTAS CADANGAN PERMOHONAN GERAN ANTARABANGSA

Bengkel pemurnian kertas cadangan permohonan geran antarabangsa adalah yang julung-julung kali di adakan oleh RMO. Bengkel ini telah diadakan pada 17 April 2017 di Bilik Meyuarat Senat, UMK Kampus Kota. Sambutan bengkel ini agak menggalakan dengan penyertaan sebanyak 16 kertas cadangan dengan penyertaan oleh 20 orang pensyarah dari berbagai Fakulti untuk permohonan geran antarabangsa dari berbagai sumber pemberi geran di peringkat dunia.

Tujuan bengkel ini adalah untuk membudayakan permohonan geran antarabangsa dalam kalangan penyelidik UMK. Budaya ini perlu mula disemarakkan supaya penyelidik UMK tidak hanya bergantung harap kepada geran dalaman dan geran dari Kementerian Pendidikan Tinggi. Tawaran dan peluang untuk berjaya memperolehi geran antarabangsa adalah agak luas skopnya yang mencakupi bidang sains dan sains sosial, kepada Negara yang sedang membangun, kepada pensyarah muda dan senior dan yang berteraskan juga penyelidikan untuk menyelesaikan isu dan permasalahan di peringkat global. Kertas cadangan dari UMK yang berjaya diterima oleh pemberi geran antarabangsa, akan membawa UMK sebagai institusi pengajian tinggi di Malaysia yang terkenal di persada antarabangsa dalam konteks keupayaan berkolaborasi dengan Negara luar dan idea penyelidikan yang diterima oleh komuniti penilai antarabangsa untuk mencari solusi kepada isu yang membawa kepada kesejahteraan dunia. Setakat ini 6 kertas cadangan telah dikirim oleh pemohon geran kepada pemberi geran. Komitmen berterusan daripada Fakulti/Pusat untuk memotivasi dan menggalakan penyelidik melancarkan hasrat ini sangat diharapkan.



i) Sebahagian daripada peserta Bengkel Pemurniaan Kertas Cadangan Untuk Permohonan Geran Antarabangsa



ii) Proses pemurniaan kertas cadangan penyelidikan untuk geran antarabangsa berlangsung



9.6 BANK KERTAS CADANGAN PENYELIDIKAN & PROGRAM MENTOR MENTEE FAKULTI/PUSAT

Bank Kertas Cadangan Penyelidikan dan program mentor mentee telah dibangkitkan dan menjadi agenda tetap Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Penyelidikan (JPP), RMO di mana Fakulti/Pusat perlu melaporkan perkembangan aktiviti-aktiviti ini.

Bank Kertas cadangan diwujudkan untuk mempastikan penyelidik sentiasa bersedia dengan kertas cadangan yang berkualiti sebelum mana-mana tawaran geran oleh pemberi geran setiap tahun diumumkan. Untuk menjayakan hasrat ini, bahagian penyelidikan dan inovasi setiap Fakulti/Pusat perlulah dengan aktif menggalakkan penulisan dan pemurnian berterusan kertas cadangan penyelidikan di peringkat ini dan menjadikannya sebagai satu budaya kerja sebelum pemurnian diperingkat Universiti anjuran RMO. Perlulah disasarkan setiap ahli akademik adalah pemohon geran/ penyelidik utama di setiap Fakulti/Pusat.

Program mentor-mentee adalah untuk membentuk dan mengasah bakat secara berterusan supaya penyelidik muda, terutamanya, dibentuk dari sekarang menjadi penyelidik yang berupaya menjalankan penyelidikan dengan berkualiti yang diiktiraf di peringkat nasional dan antarabangsa. Mentor biasanya adalah penyelidik senior yang boleh daripada sumber dalaman atau luar UMK. Fakulti/Pusat memainkan peranan yang sangat penting sebagai hub pertama untuk kemajuan berprestij penyelidikan dan inovasi UMK. Aktiviti-aktiviti ini termasuk aktiviti lonjakan prestasi di peringkat Fakulti/ Pusat sangat berpotensi membantu ke arah kecemerlangan penyelidikan dan inovasi di UMK.

Sehingga Disember 2017, laporan deposit Kertas Cadangan Penyelidikan Fakulti/Pusat dalam Bank Kertas Cadangan adalah seperti berikut:

BIL	FAKULTI	BILANGAN KERTAS CADANGAN
1	FTKW	2
2	FHPK	10
3	FIAT	40
4	FPV	6
5	FKP	12
6	FAE	8
7	FSB	5
8	PBI	10
9	FBKT	12

9.7 BENGKEL-BENGKEL LUAR YANG DIHADIRI OLEH RMO

Proses pengurusan geran penyelidikan memerlukan kepakaran dan ilmu yang mencukupi dalam memastikan pengurusan ini berjalan lancar dan memenuhi kehendak pihak-pihak yang memerlukan maklumat mengenai penyelidikan. Oleh yang demikian, terdapat bengkel-bengkel luar yang telah dihadiri oleh staf RMO seperti di bawah:-



BIL.	PERKARA	TARIKH/ TEMPAT	ANJURAN
1	Bengkel Permohonan Dana STI Antarabangsa Tahun 2017	13 – 14 Mac 2017 / Marina, Putrajaya	MOSTI
2	Sesi Taklimat MyLab 1/2017	18 Mei 2017 / KPT	KPT
3	Sesi Taklimat Tadbir Urus Geran Fundamental KPT	8 Jun 2017 / KPT	KPT
4	Taklimat Penerangan Garis Panduan Pelaksanaan Audit MyRA bagi Pencapaian Tahun 2017	26 – 27 Julai 2017 / KPT	KPT
5	Audit MyRA 2016	26 Sept 2017 / Putrajaya	KPT
6	Seminar Research and Commercialization in the 4.0 Industrial Revolution Era	1 Ogos 2017 / UTEM	UTEM

9.8 TOWNHALL PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN & INOVASI)

Pada tahun 2017 Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) telah mengadakan Sesi Townhall di ketiga-tiga kampus iaitu UMK Kampus Kota, UMK Bachok dan UMK Kampus Jeli. Townhall ini telah dihadiri oleh semua staf akademik di semua kampus tersebut dan sesi townhall ini juga membincangkan isu berkenaan penyelidikan serta penerangan berkenaan pengurusan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi). Selain itu, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) juga mendengar permasalah daripada staf akademik berkenaan pengurusan penyelidikan di Universiti Malaysia Kelantan.



Gambar : Townhall di UMK Kampus Jeli



Gambar : Townhall di UMK Kampus Bachok



Gambar : Townhall di UMK Kampus Kota

9.9 BENGKEL PUBLIC-PRIVATE RESEARCH NETWORK (PPRN)

Bengkel Bengkel Public-Private Research Network (PPRN) 2017 telah diadakan pada diadakan pada 8 November 2017 bertempat di Dewan Keusahawanan, UMK Kampus Kota. Bengkel tersebut telah dianjurkan dengan kerjasama UMK Entrepreneurship Institute (UMKEI) dan bertujuan untuk memberi pendedahan tentang PPRN kepada pihak industri dan penyelidik di UMK. Seramai 50 orang usahawan dan 40 orang pensyarah telah hadir untuk menjayakan program. Rata-rata usahawan yang hadir adalah datang dari pelbagai bidang seperti perniagaan makanan, produk kesihatan, pakaian/tekstil dan perkhidmatan. Hasil daripada bengkel tersebut, sebanyak 22 borang permasalahan telah diterima dan telah dimajukan kepada sekretariat PPRN.



Gambar: Bengkel Bengkel Public-Private Research Network (PPRN) 2017 telah diadakan pada diadakan pada 8 November 2017



Bab 10


Tugas Khas Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)



9.1 MAJLIS PROFESOR NEGARA CHAPTER UMK

Majlis Profesor Negara (MPN) Chapter Universiti Malaysia Kelantan (UMK) merupakan kumpulan pemikir dan pemberi idea untuk pembangunan kecemerlangan Universiti dan bertindak sebagai badan penasihat dalam hal yang berkaitan dengan perancangan strategik UMK agar segala perancangan yang dijalankan dapat memberi impak yang bermakna kepada komuniti dan pihak industri.

MPN Chapter UMK di Pengurusikan oleh Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Hj. Ibrahim Bin Che Omar, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMK. Pelantikan Pengurus MPN Chapter UMK adalah selama dua (2) tahun mulai 1 Jun 2016 hingga 31 Mei 2018.



Matlamat dan Objektif Penubuhan MPN Chapter UMK


- Untuk memperkenalkan kepakaran profesor UMK kepada masyarakat khususnya kepada masyarakat Negeri Kelantan
- Mengoptimumkan kepakaran profesor dalam menangani isu demi kesejahteraan masyarakat (Profesor sebagai pakar rujuk masyarakat/negara)
- Satu platform perkongsian ilmu pengetahuan dan pengalaman antara masyarakat dengan para ilmuan dan cendekiawan
- Membuat pengesongan dan cadangan kepada pihak bertanggungjawab untuk penambahbaikan.

9.1.1 NATIONAL STEM MOVEMENT CHAPTER NEGERI KELANTAN

26 Mac 2017 : Majlis Pelancaran National STEM Movement Chapter Negeri Kelantan dengan Kerjasama MPN Chapter UMK & Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan yang dirasmikan oleh YB. Datuk Dr. Mary Yap Kain Ching, Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi. Dalam keadaan dunia yang kini berada pada abad ke-21, gerakan-gerakan pembaharuan bagi memberikan nafas baru kepada bidang pendidikan Sains dan Matematik peringkat persekolahan telah bermula. Salah satu daripada pembaharuan itu ialah pendekatan STEM (Science, Technology, Engineering & Mathematics) Bersepadu atau lebih dikenali dengan istilah STEM. Pendekatan STEM Bersepadu yang semakin mendapat perhatian dan dijangka akan menjadi teras kepada pembinaan kurikulum baru Sains dan Matematik



yang lebih mempunyai nilai pengintegrasian pelbagai jenis bidang ilmu dan amalan. Majlis ini dihadiri oleh seramai 500 orang pendidik di Negeri Kelantan.



9.1.2 PERSATUAN PENDIDIK STEM NEGERI KELANTAN

Persatuan Pendidik STEM Negeri Kelantan telah didaftarkan sebagai pertubuhan di bawah Seksyen 7 Akta Pertubuhan 1966 dan bahawa nombor pendaftarannya ialah PPM-008-03-30112017 yang telah didaftarkan pada 30 November 2017. Persatuan ini ditubuhkan adalah bertujuan untuk memperkasakan pendidik STEM di negeri Kelantan. Antara ahli jawatankuasa adalah seperti berikut :

Pengerusi	:	Tn. Hj. Jaafar Bin Ismail Pengarah, Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan
Timbalan Pengerusi	:	Prof. Dr. Raja Suzana Binti Raja Kasim Universiti Malaysia Kelantan
Setiausaha 1	:	Hj. Sepian Bin Nor Ketua Sektor Pengurusan Akademik, Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan
Setiausaha 2	:	Dr. Rosmawani Binti Mohammad Pensyarah Kanan, Fakulti Biokejuruteraan & Teknologi Universiti Malaysia Kelantan
Bendahari	:	Pn. Hjh. Siti Norina Mohamad Penolong Pengarah, Unit Pendidikan Swasta, Sektor Pendidikan Swasta dan Pendidikan Khas Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan
Ahli Jawatankuasa :		
Kluster Matematik		<ol style="list-style-type: none"> 1. Dr. Leony Tham Yew Seng Fakulti Industri Asas Tani, Universiti Malaysia Kelantan 2. Dr. Liew Jeng Young, Fakulti Industri Asas Tani 3. Dr. Nurul Syaza Binti Abdul Latif Fakulti Industri Asas Tani 4. Cik Nur Hanisah Binti Abdul Malek Fakulti Sains Bumi 5. Hj. Ahmad Zamri Bin Aziz, SMK Tumpat 6. Pn. Halizah Binti Mohd Zain – Ketua Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan
Kluster Fizik		<ol style="list-style-type: none"> 1. Hj. Mohd Razali Bin Abdul Talib – Ketua Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan (JPN) 2. Dr. Nor Hakimin Bin Abdullah, Pensyarah Kanan Fakulti Biokejuruteraan & Teknologi Universiti Malaysia Kelantan 3. En. Burhan Bin Ramli @ Md. Nor Sek. Men. Sains Machang
Kluster Biologi		<ol style="list-style-type: none"> 1. Hj. Nawawi Bin Ab. Rashid - Ketua Jabatan Pendidik Negeri Kelantan 2. Dr. Nazahatul Anis Binti Amaludin Universiti Malaysia Kelantan 3. Pn. Mazinah Binti Muda - Ketua SMS Tengku Muhammad Faris Petra
Kluster Kimia		<ol style="list-style-type: none"> 1. En. Mohd Zaid Bin Mohd Zain – Ketua Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan 2. Dr. Nik Raihan Binti Nik Yusoff Pensyarah Kanan, Fakulti Sains Bumi Universiti Malaysia Kelantan



3. Dr. Rozidaini Binti Mohd Ghazi
Pensyarah Kanan, Fakulti Sains Bumi
4. Dr. Nurul Akmar Che Zaudin
Fakulti Biokejuruteraan & Teknologi
5. En. Zainudin Bin Abdul Razak - Ketua
SMK Dato' Perdana

Kluster Teknologi

1. Hj. Rozmi Bin Ab. Rahim – Ketua
Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan
2. Prof. Madya Dr. Julie Juliewatty Binti Mohamed
Timbalan Dekan (Penyelidikan & Teknologi)
Fakulti Biokejuruteraan & Teknologi
3. Prof. Dr. Balakrishnan A/L Parasuraman
Pengarah, Jaringan Industri dan Kolaborasi
4. En. Suhaimi Bin Sulaiman, SMK Kota

Kluster ICT

1. Dr. Nik Zulkarnaen Bin Khidzir
Universiti Malaysia Kelantan
2. Pn. Zuriah Binti Muhamad - Ketua
Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan
3. YM. Tuan Mohd Rizal Bin Tuan Rahim
Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan

Kluster Kejuruteraan

1. Prof. Madya Dr. Aweng A/L Eh Rak
Universiti Malaysia Kelantan
2. En. Zamri Bin Zakaria - Ketua
Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan

Kluster Komunikasi dan Motivasi

1. Prof. Dr. Nik Maheran Binti Nik Muhammad
Universiti Malaysia Kelantan
2. En. Hamdan Bin Kadir - Ketua
Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan
3. Pn. Haniah Binti Said, PPD Tumpat
4. En. Kamaruzzaman

PPM-008-03-30112017

MALAYSIA

AKTA PERTUBUHAN 1966
PERATURAN-PERATURAN PERTUBUHAN 1984

BORANG 3
(Perantaraan 5)

SIJIL PENDAFTARAN

Adakah diperakut bahawa
PERSATUAN PENDIDIK STEM NEGERI KELANTAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KELANTAN
16010 BANDAR BARU TUNJONG
KELANTAN

*hari ini diketahui sebagai suatu pertubuhan di bawah Seksyen 7
Akta Pertubuhan 1966 dan bahawa nombor pendaftarannya adalah*

PPM-008-03-30112017

*Dapatkan dengan ditandatangani oleh saya pada
30 November 2017*

MOHD REJAB BIN RAMLI
Ag. Pendekar Pertubuhan,
Malaysia

JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA
NEGERI KELANTAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KELANTAN
Wisma Sultan
Jalan Telipok
16150 BANDAR BARU TUNJONG
KELANTAN

Tel: 09-7436986
Fax: 09-7436987
Laman Web: <http://www.jppm.kedawatan.gov.my>
<http://www.everses.gov.my>

Rujukan Kami: PPM-008-03-30112017
Tarikh: 30 November 2017

Sofianahsa,
BERSATUAN PENDIDIK STEM NEGERI KELANTAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KELANTAN
16010 BANDAR BARU TUNJONG
KELANTAN

PENDAFTARAN DI BAWAH AKTA PERTUBUHAN, 1966
NAMA PERTUBUHAN: PERSATUAN PENDIDIK STEM NEGERI KELANTAN

Sukasita saya memaklumkan bahawa Jabatan ini **meluluskan** pendaftaran pertubuhan di atas.

2. Bersemasa-sama ini disertakan satu salinan SIJIL Pendaftaran dan satu salinan Undang-Undang Tubuh bagi pertubuhan tersebut. Kedua-dua dokumen ini hendaklah disimpan di alamat yang ditetapkan. Undang-undang tubuh pertubuhan ini adalah undang-undang berdaftar bagi pertubuhan tuan. Oleh itu, pertubuhan ini hendaklah ditadbir dengan mengikut peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam undang-undang tubuh tersebut.

3. Tiap-tiap pemegang jawatan pertubuhan adalah bertanggungjawab untuk mematuhi dan menyempurnakan semua kehendak Akta Pertubuhan 1966 dan Peraturan Pertubuhan 1984.

4. Sila amalki perkhidmatan halaju sebaik-sebaiknya dan pastikan nama-alamat atau pindian kepada undang-undang berdaftar pertubuhan ini/berdaftar di mewujudkan kelelawar daripada Pendafur Pertubuhan Mengikut Seksyen 11, Akta Pertubuhan 1966.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menaruh perintah,

(DALILA DIYANA BINTI MAT ZAID)
b.p. PENDAFTAR PERTUBUHAN

9.1.3 PROGRAM PROF.@SCHOOL

Majlis Profesor Negara Chapter UMK dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan telah mengadakan Program Prof.@School iaitu menempatkan Profesor di Universiti Malaysia Kelantan di 76 buah sekolah di negeri Kelantan.

BIL.	NAMA SEKOLAH	NAMA PROFESOR
1.	SMJKC Chung Hwa	Prof. Madya Dr. Ng Siew Foen
2.	SMK Kota Bharu	Prof. Madya Ab Aziz Bin Shuaib
3.	SMK Ketereh	Prof. Dr. Mohamed Dahlan Bin Ibrahim
4.	SMK Kubang Kerian	Prof. Dr. Nik Maheran Binti Nik Muhammad
5.	SMK Kota	Prof. Madya Dr. Zatul Karamah Binti Baharul Ulum
6.	SMK Mahmud Mahyidin	Prof. Madya Dr. Ghazali Bin Ahmad
7.	SMK Kampong Laut	Prof. Dr. Wan Zahari Bin Mohamed
8.	SMK Tumpat	Prof. Madya Dr. Hakimin Bin Yusoff
9.	SMK Sri Gunung	Prof. Madya Dr. Nora'ani Binti Mustapha
10.	SMK Long Yunus	Prof. Madya Dr. Mohd Mokhtar Bin Arshad
11.	SMK Cherang Ruku	Prof. Madya Ab Aziz Bin Shuaib
12.	SMK Bukit Jawa	Prof. Madya Dr. Mohammad Bin Ismail
13.	SMK Kubang Bemban	Prof. Madya Dr. Maizan Binti Mohamed
14.	SMK Perempuan Pasir Mas	Prof. Madya Dr. Suria Binti Baba
15.	SMK Kangkong	Prof. Madya Ahamad Tarmizi Bin Azizan
16.	SMK Pahi	Prof. Madya Dr. Rumaizi Bin Shaari
17.	SMK Dabong	Prof. Madya Dr. Palsan Sannasi Bin Abdullah
18.	SMK Ayer Lanas	Prof. Dr. Nik Marzuki Bin Sidik
19.	SMK Tengku Indra Petra	Prof. Madya Dr. Aweng A/L Eh Rak
20.	SMK Tanah Merah 1	Prof. Dr. Jasni Bin Sabri
21.	SMK Ismail Petra	Prof. Abdul Jamal Bin Abd Hamid
22.	SMK Pengkalan Chepa	Prof. Dr. Abd. Hamid Bin Mar Iman
23.	SMK Raja Sakti	Prof. Madya Dr. Azhar Bin Muhammad
24.	SMK Chabang Empat	Prof. Madya Dr. Rosli Bin Saleh
25.	SMK Wakaf Bharu	Prof. Dr. Razli Bin Che Razak
26.	SMK Dato' Perdana	Prof. Madya Dr. Azuki Bin Yusuff
27.	SMK Badak	Prof. Madya Ir. Dr. Ahmad Rasdan Bin Ismail
28.	SMK Kamil	Prof. Madya Dr. Suriatini Binti Ismail
29.	SMK Seri Aman	Prof. Madya Dr. Wan Ahmad Amir Zal Bin Wan Ismail
30.	SMK Seri Intan	Prof. Madya Dr. Seri Intan Binti Mokhtar



31.	SMK Machang	Prof. Dr. Mohd Rosli Bin Mohamad
32.	SMK Tengku Panglima Raja	Prof. Dr. Raja Suzana Binti Raja Kasim
33.	SMK Sultan Ibrahim	Prof. Dr. Wan Salihin Wong Bin Abdullah
34.	SMK Sultan Ibrahim 2	Prof. Madya Dr. Abu Sofian Bin Yaacob
35.	SMK Kuala Krai	Prof. Madya Dr. Ahmed Thalal Hassan
36.	SMK Dato' Mahmud Paduka Raja	Prof. Dr. Naresh Kumar A/L Samy
37.	SMK Tan Sri Mohamed Yaacob	Prof. Madya Dr. Lukman Bin Ismail
38.	SMK Bandar Chiku	Prof. Madya Dr. Hashim Bin Md. Noor
39.	Maktab Sultan Ismail	Prof. Dr. Mohamed Dahlan Bin Ibrahim
40.	SMK Zainab 1	Prof. Madya Dr. Suria Binti Baba
41.	SMK Puteri	Prof. Dr. Nik Maheran Binti Nik Muhammad
42.	SMK Dato' Ahmad Maher	Prof. Dr. Wan Zahari Bin Mohamed
43.	SMKA Naim Lil Banat	Prof. Madya Dr. Suriatini Binti Ismail
44.	SMK Melor 1	Prof. Dr. Jasni Bin Sabri
45.	SMK Kubang Kerian 2	Prof. Dr. Balakrishnan A/L Parasuraman
46.	SMK Mulong	Prof. Dr. Balakrishnan A/L Parasuraman
47.	SMK Zainab 2	Prof. Madya Dr. Maizan Binti Mohamed
48.	SMK Sultan Ismail	Prof. Madya Dr. Mohd Rafi Bin Yaacob
49.	SMK (A) Falahiah	Prof. Madya Dr. Wan Ahmad Amir Zal Bin Wan Ismail
50.	SMK Dato Biji Wangsa	Prof. Madya Dr. Aweng A/L Eh Rak
51.	SMK Bachok	Prof. Madya Dr. Mohad Anizu Bin Mohd Nor
52.	SMK Tok Janggut	Prof. Dr. Imad Ibrahim Ali Al-Sultan
53.	SMKA Wataniah	Prof. Madya Dr. Lukman Bin Ismail
54.	SMK Hamzah	Prof. Madya Dr. Zailani Bin Abdullah
55.	SMK Tendong	Prof. Madya Dr. Noor Azlina Binti Ibrahim
56.	SMK Rantau Panjang	Dr. Hafiz Jamaluddin
57.	SMK Sultan Yahya Petra 2	Prof. Madya Dr. Mohd Rafi Bin Yaacob
58.	SMK Sultan Yahya Petra 1	Prof. Dr. Safa'ai Bin Deris
59.	SMK Tanah Merah 2	Prof. Madya Dr. Julie Juliewatty Binti Mohamed
60.	SMK Tanjung Mas	Prof. Madya Dr. Mokhtarrudin Bin Ahmad
61.	SK. Dato' Hashim	Prof. Madya Dr. Zailani Bin Abdullah
62.	SK. Zainab	Prof. Madya Dr. Wee Yu Ghee
63.	SK. Sultan Ibrahim 1	Prof. Madya Dr. Noor Azlina Binti Ibrahim

64.	SK. Seri Kemudi	Prof. Madya Dr. Mohad Anizu Bin Mohd Nor
65.	SK. Machang 1	Prof. Madya Dr. Andika Aziz Bin Hussin
66.	SK Seri Wangi	Prof. Madya Dr. Lee Seong Wei
67.	SK. Sultan Yahya Petra 1	Prof. Madya Dr. Fatimah Binti Changgrik @ Kayat
68.	SK. Kemahang 1	Prof. Madya Dr. Mohd Zain Bin Mubarak
69.	SK. Islah	Prof. Madya Ab Aziz Bin Shuaib
70.	SK. Bukit Jawa 2	Prof. Madya Dr. Mohammad Bin Ismail
71.	SK. Kubang Batang	Prof. Madya Dr. Kamarulzaman Bin Abdul Ghani
72.	SK. Ayer Lanas	Prof. Madya Dr. Julie Juliewatty Binti Mohamed
73.	SK. Seri Ketereh	Prof. Madya Dr. Wee Yu Ghee
74.	SR. Agama Tengku Amalin A'isyah Puteri	Prof. Madya Dr. Nora'ani Binti Mustapha
75.	SK. Temalir	Prof. Madya Dr. Than Kyaw
76.	SK. Jelor	Prof. Madya Khairil Anwar Dean Bin Kamarudin

- Terma Rujukan Program Prof.@School
 - Profesor tidak boleh membincangkan isu politik secara langsung atau cuba memberi implikasi berpolitik
 - Tidak mencampuri hal ehwal pengurusan pentadbiran sekolah.
 - Membantu untuk meningkatkan kecemerlangan ko-kurikulum dan akademik di sekolah.
 - Profesor berperanan sebagai penceramah, penasihat, pembimbing dan role model kepada sekolah, termasuk menjadi penasihat persatuan dan kelab.
 - Profesor boleh mengadakan perbincangan berkelompok bersama pelajar atau guru
 - Profesor boleh menjalankan sebarang aktiviti yang sesuai setelah mendapat persetujuan sekolah.





PROGRAM Prof@School

- ONE Health with Zoonotic Diseases
- Neuro Linguistic Programming
- Lawatan Ke Makmal Sains Kampus Jeli
- Program Keselamatan Makmal
- Program Lampu Kasih
- Penerapan Sains Melalui Fertigasi (Perancangan)
- Edible Garden (Perancangan)
- Program Kem Sains
- Projek Mini Muzium Sumber Asli (Natural Resources)
- Program Robotics



9.1.4 FORUM BICARA RAKYAT

UMK dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan mengadakan Forum Bicara Rakyat di sepuluh (10) daerah di negeri Kelantan bagi membincangkan berkenaan Sains, Teknologi, Engineering dan Matematik (STEM). Negeri Kelantan sangatlah bertuah kerana sebahagian besar rakyat mempunyai keupayaan luar biasa termasuklah dalam bidang akademik. Forum Bicara Rakyat ini adalah untuk memberi pendedahan kepada guru, ibu bapa dan masyarakat berkenaan kesedaran terhadap kepentingan mengaplikasikan ilmu sains dan teknologi dalam kehidupan seharian.

BIL.	PPD	TAJUK	TARIKH
1.	Kuala Krai	STEM, Proksi Kelestarian Alam	Akan diadakan awal tahun 2018
2.	Pasir Mas	STEM 60 : 40	7 Ogos 2017
3.	Tumpat	Kepakaran Ibu Bapa Membantu Mengukuhkan STEM di Sekolah, Isu dan Cabaran	Akan diadakan awal tahun 2018
4.	Tanah Merah	Kepentingan STEM dalam Keusahawanan	26 September 2017
5.	Pasir Puteh	Peranan Ibu Bapa Dan Komuniti Dalam Menangani Pencemaran Alam Sekitar	24 Oktober 2017
6.	Gua Musang	Peranan Ibu Bapa Dalam Transformasi Pendidikan Negara	Akan diadakan awal tahun 2018
7.	Bachok	Sains dan Teknologi sebagai Pemangkin Kecemerlangan Negara dan Peradaban Bangsa	Akan diadakan awal tahun 2018
8.	Machang	Peranan PIBG dan PIBK dalam menangani Masalah Disiplin di Sekolah	4 Mei 2017
9	Jeli	Peranan Ibu Bapa Dan Komuniti Menghayati Stem Dalam Era Globalisasi	Akan diadakan awal tahun 2018
10.	Kota Bharu	Kepentingan Sains dan Teknologi, Ibu Bapa Lakaran Masa Depan Anak.	9 Ogos 2017



Sekitar Forum Bicara Rakyat



Universiti Malaysia
KELANTAN





9.1.5 KARNIVAL STEM NEGERI KELANTAN

Majlis Profesor Negara Chapter Universiti Malaysia Kelantan dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan telah mengadakan Karnival STEM Negeri Kelantan pada 23 – 26 Oktober 2017 di UMK Kampus Jeli. Program ini telah bermula pada awal tahun 2017 dengan pelbagai acara yang telah dijalankan antaranya adalah seperti kuiz STEM, dikir barat STEM, pidato STEM dan rekabentuk digital STEM. Karnival STEM Negeri Kelantan adalah merupakan platform yang relevan untuk para pelajar sekolah menonjolkan hasil-hasil inovasi mereka. Inovasi yang terbaik akan dipilih dan diketengahkan ke peringkat yang lebih tinggi serta memberikan pengiktirafan dalam bentuk anugerah kepada pelajar yang menunjukkan pencapaian cemerlang dalam inovasi. Selain itu, Karnival STEM Negeri Kelantan ini juga telah diisikan dengan program seperti berikut:

- i. Program Jalinan STEM Adik Angkat JPN – UMK
- ii. Pertandingan Akhir Kuiz STEM
- iii. Pertandingan Akhir Dikir Barat STEM
- iv. Pertandingan Akhir Pidato STEM
- v. Pertandingan Akhir Rekabentuk Digital STEM
- vi. Petandingan Inovasi STEM
- vii. Anugerah Khas Prof.@School





9.1.6 PROGRAM SYARAHAN PELANTIKAN PROFESOR

Pada tahun 2017 Majlis Profesor Negara Chapter UMK telah mengadakan sebanyak dua (2) Syarahan Pelantikan Profesor yang telah disampaikan oleh Profesor tersebut :

BIL.	NAMA PROFESOR	TARIKH	TAJUK SYARAHAN
1.	Prof. Dr. Balakrishnan A/L Parasuraman	21 Mac 2017	"The Success of Minimum Wage Policy in Malaysia : The Theory and Practice of Employee Participation Model in Action"
2.	Prof. Dr. Hishamuddin Bin Md. Som	23 Julai 2017	Utilizing non-typical selection tools to enhance employment decision : A fallacy?



Gambar Syarahan Pelantikan Profesor Prof. Dr. Balakrishnan A/L Parasuraman



Gambar Syarahan Pelantikan Prof. Dr. Hishamuddin Bin Md. Som

9.1.7 SYARAHAN PERDANA

25 April 2017 - Universiti Malaysia Kelantan telah mengadakan Syarahan Perdana yang disampaikan oleh Y.Bhg. Tan Sri Dato' Paduka Prof. Dr. Fng Ah Seng, JP, Pengurus Yayasan Muhibah Tan Sri Fng Ah Seng iaitu dengan tajuk "The Mindset of A Super Achiever in Creating Unlimited Wealth and Success". Dalam syarahan tersebut beliau telah mengumumkan sebanyak RM 100,000.00 akan disumbangkan kepada Universiti Malaysia Kelantan untuk pembangunan inovasi, penyelidikan dan keusahawanan. Menurut Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Hj. Ibrahim Che Omar, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), penyelidikan di UMK telah mula menghasilkan inovasi atau produk, namun semua produk/proses serta

inovasi belum dapat dikomersialkan. Salah satu faktor adalah sebahagian besar produk ini masih memerlukan penambah baikan atau memberi nilai tambah kepada produk/inovasi sebelum boleh diterima di pasaran. Untuk memperbaiki keadaan ini, peruntukan diperlukan bagi mengurangkan jurang antara hasil penyelidikan dengan pihak industri/pelanggan berpotensi. Selain itu, dana inovasi ini akan digunakan sebagai strategi untuk menjayakan Penyelidikan Translasional yang menekankan tentang hasil penyelidikan perlu dimanfaati oleh masyarakat bukan hanya untuk memperbaiki taraf hidup masyarakat terutama di luar bandar, tetapi juga menjamin kelangsungan kehidupan agar hasil penyelidikan dan inovasi ini digunakan untuk menjana dan menambah pendapatan. Walaubagaimanapun, dengan adanya dana ini, maka Universiti dapat menampung bebanan kewangan dan dapat meningkatkan mutu penyelidikan di Universiti Malaysia Kelantan di masa hadapan.



9.2 BAMBOO WORLD XPLORATIONS 2017 (BWX 2017)

Universiti Malaysia Kelantan dengan kerjasama Global Innovation & Entrepreneurship Foundation (GIEF) telah mengadakan Bamboo World Xplorations 2017 pada 18-20 Mac 2017 di UMK Kampus Jeli, Kelantan yang dirasmikan oleh YB. Dato' Sri



Mustapa Mohamed, Menteri MITI, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, YB Dato' Sri Mustapa Mohamed, menyarankan supaya Universiti Malaysia Kelantan (UMK) mengambil langkah proaktif dengan menjalinkan kerjasama dengan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) serta beberapa agensi kerajaan berkaitan untuk menjalankan penyelidikan mengenalpasti potensi dan strategi terbaik memajukan industri buluh. Turut hadir, Naib Canselor UMK, Prof Dato' Dr. Mortaza Mohamed, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dato' Dr. Ibrahim Che Omar, Pengerusi Global Innovation & Entrepreneurship Foundation (GIEF), Dato' Ghazi Sheikh Ramli, Ketua Pegawai Eksekutif Malaysian Global Innovation & Creativity Centre (MAGIC), En. Ashran Dato' Ghazi dan Presiden Malaysia Bamboo Society, Tuan Hj. Ahmad Mazlan.



9.3 PROJEK PENANAMAN POKOK GAHARU TESCO-UMK-MTIB DI UMK KAMPUS JELI

UNIVERSITI Malaysia Kelantan (UMK) menerima pengiktirafan Malaysian Book of Record (MBOR) untuk Penanaman Pokok Karas terbanyak dengan catatan rekod sebanyak 6,000 anak pokok karas atau gaharu di Bukit Gaharu, Taman Agropark UMK Kampus Jeli, Kelantan, pada 21 Mac 2017. Catatan rekod baharu itu berjaya mengatasi rekod lama yang dibuat oleh Pejabat Ahli Parlimen Ledang, Johor, yang menanam sebanyak 3004 anak pokok gaharu pada Disember 2016.

Program penanaman pokok gaharu yang di kategorikan antara spesis pokok terancam itu adalah anjuran Fakulti Sains Bumi (FSB) dengan kerjasama Lembaga Perindustrian

Kayu Malaysia (MITB) dan TESCO dan pada 11 April 2017 satu Majlis Penyerahan Sijil MBOR dan Salinan MoU Projek Penanaman Gaharu MTIB-UMK- TESCO serta Perasmian Forest Week 2017 telah diadakan dan disempurnakan oleh Prof. Dato' Dr. Hj. Ibrahim Bin Che Omar, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi). Majlis ini dihadiri oleh Pn. Hajjah Norchahaya Hashim, Timbalan Pengarah MTIB, Dato' Azlam Shah Alias, Pengerusi Komiti Halal TESCO, Prof. Dato' Ir. Dr. Badrulhisham Abdul Aziz, Dekan Fakulti Biokejuruteraan dan Teknologi.



9.4 REGIONAL NETWORK ON POVERTY ERADICATION (RENPER)

Pada 2 April 2017 satu Mesyuarat Ahli Majlis Regional Network on Poverty Eradication (RENPER) telah diadakan di Universiti Malaysia Kelantan bagi membincangkan pelantikan Ahli Majlis baharu RENPER 2017-2019 dan program yang akan diadakan nanti. Mesyuarat tersebut telah dihadiri oleh pelbagai ahli daripada universiti dalam dan luar negara. Ahli Majlis yang baharu dilantik adalah seperti berikut:

- | | |
|----------------|---|
| Advisory : | Prof. Dato' Dr. Hj. Ibrahim Bin Che Omar
Universiti Malaysia Kelantan |
| President : | Prof. Dr. Ridhwan Nurazi
University of Bengkulu |
| Vice President | Prof. Dr. Nik Maheran Binti Nik Muhammad
Universiti Malaysia Kelantan |
| Secretary | Assoc. Prof. Dr. Ha Thi Thieu Dao
Banking University of Ho Chi Minh City |

Treasurer Prof. Dr. Zumilah Zainalaludin
Universiti Putra Malaysia

Country Representative

Malaysia	Prof. Dr. Yusnidah Ibrahim (Universiti Utara Malaysia) Prof. Dr. Haslan Abu Hassan (Universiti Malaysia Kelantan)
Vietnam	Prof. Madya Dr. Nabilah Abdullah (Universiti Teknologi MARA) Assoc. Prof. Dr. Ly Hoang Anh (Banking University HCMC Vietnam) Ms. Luong Thi Thu Thuy (Banking University HCMC Vietnam)
Indonesia	Prof. Ir. Dr. Zainal Muktamar (University of Bengkulu) Dr. Fahrurrozi (University of Bengkulu)
India	Dr. G. Sudarsanam(Sri Venkateswara University)
Thailand	Assoc. Prof. Dr. Chusak Limsakul (Prince of Songkla University) Mr. Suriyong Limsangkass (Prince of Songkla University)
Philippines	Dr. Tita Evasco-Brunswela (San Beda College, Manila)
Bangladesh	Prof. Dr. Md Ali Akbar (BAU)
Secretariat	Prof. Dr. Sarker Rezaul Karim (Universiti Malaysia Kelantan) Director of InsPeK, Universiti Malaysia Kelantan



9.5 PROGRAM CERAMAH Y.BHG. TAN SRI PROF. EMERITUS DATUK DR. ANUWAR ALI, PENGERUSI OPEN UNIVERSITY

Pada 13 Ogos 2017 Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) telah mengadakan program ceramah Y.Bhg. Tan Sri Prof. Emeritus Datuk Dr. Anwar Ali, Pengerusi Open University bersama pensyarah kanan dan pensyarah muda UMK berkenaan laluan akademik dan kecemerlangan Universiti.



9.6 CHAIRMAN LECTURE SERIES

Pada 4 Mei 2017, Pejabat Jaringan Industri dan Kolaborasi, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) telah menganjurkan satu siri syarahan Chairman Lecture Series. Syarahan tersebut telah disampaikan oleh YBrs. En. Abdul Jammi Karim, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif / Pengurus Besar Perkhidmatan Korporat Permodalan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) dengan tajuk "Retailing Industries: PUNB Experiennce". Beliau telah digandingkan bersama YBhg. Prof. Dr. Nik Maheran Binti Nik Muhammad Pengarah usat Keusahawanan Global, Penyelidikan & Inovasi Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Tajuk syarahan yang disampaikan oleh YBhg. Prof. Dr. Nik Maheran ialah Retail Gentrification and Urban Regeneration in Malaysia: A Loss To Bumiputera?.

Program tersebut telah disempurnakan oleh Prof. Dato' Dr. Hj. Ibrahim Bin Che Omar, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) dan dihadiri oleh pegawai kanan UMK yang lain. Turut hadir ialah 400 orang tetamu yang terdiri daripada pelajar UMK, usahawan di negeri Kelantan dan pelajar- pelajar sekolah yang berhampiran.

Sumber: Utusan Malaysia, 9 Mei (Selasa)



Gambar : Sekitar program Chairman Lecture Series yang disampaikan oleh YBrs. En. Abdul Jammi Karim dan YBhg. Prof. Dr. Nik Maheran Binti Nik Muhammad



9.7 UNIVERSITY COMMUNITY TRANSFORMATION CENTER (UCTC) ATAU PUSAT TRANSFORMASI KOMUNITI UNIVERSITI

A) SEJARAH PENUBUHAN

Idea penubuhan UCTC dibentangkan di dalam Mesyuarat NBOS Summit pada 21 November 2012. Ia dilaksanakan hasil inisiatif NBOS yang bermula sejak bulan November 2009. Antara program yang telah berjaya dijalankan adalah kerjasama universiti (NBOS ke-4) dan IM4U Outreach Center. Ia kemudiannya diusulkan kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui Ucapan Amanat Tahunan YB Menteri Pengajian Tinggi pada 29 Januari 2013, memaklumkan tentang 8 agenda yang akan dilaksanakan pada tahun 2013 antaranya memperkasa peranan Institut Pengajian Tinggi sebagai 'Gedung Ilmu' dan institusi pencinta ilmu atau menara ilmu, tempat di mana pengetahuan dikumpul dan yang baharu diterokai, disampaikan kepada pelajar, dan dipindahkan kepada masyarakat.

Setiap insitusi pengajian tinggi awam (IPTA) perlu mewujudkan Pusat Transformasi Komuniti Universiti atau University Community Transformation Centre (UCTC) berdasarkan nic masing-masing dengan menggerakkan sumber intelektual dan infrastruktur fizikal universiti untuk mentransformasikan komuniti. UCTC merupakan inisiatif NBOS ke-8, di mana KPT bertindak sebagai agensi peneraju dan melibatkan semua IPTA. UCTC ini telah dilancarkan secara rasmi pada 30 November 2013 oleh YB Menteri Pendidikan Tinggi II, Dato' Seri Idris bin Jusoh.

Manakala kelulusan penubuhan UCTC di UMK telah dibuat berdasarkan Keputusan dari Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 11/2017 (Kali Ke-179) yang telah bersidang pada 12 September 2017. Oleh kerana Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi (P&I) merupakan Ahli Tetap Jawatankuasa Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) Universiti Awam yang dipengerusikan oleh Universiti Putra Malaysia, maka UCTC UMK akan ditempatkan dibawah kawal selia oleh pejabat TNCP&I. Peranan UCTC adalah sebagai One Stop Centre untuk semua program kemasyarakatan yang akan dilaksanakan oleh UMK. Serentak dengan itu, UCTC juga bertanggung jawab memperoleh peruntukan kewangan bagi menjayakan program kemasyarakatan daripada sumber luar/industri.

B) KLUSTER UTAMA DALAM UCTC UMK

- i. Kluster Transformasi Ekonomi dan Keusahawanan Sosial
- ii. Kluster Kesihatan dan Keselamatan
- iii. Kluster Alam Sekitar dan Bencana Alam
- iv. Kluster Pendidikan dan Pembangunan Minda
- v. Kluster Infrastruktur dan Kemudahan Asas
- vi. Kluster Teknologi dan ICT

C) JENIS PROGRAM KHIDMAT KOMUNITI

- i. Program Khidmat Komuniti dan Keusahawanan Sosial
- ii. Program Pembangunan, Motivasi dan Halatuju Pelajar
- iii. Program Pembangunan Modal Insan Belia

- iv. Program Solekan, Kecantikan dan Penampilan Diri Bersama Avon
- v. Program Kepimpinan Komuniti
- vi. Program Professor @School – STEM
- vii. Program Seminar Penjawat Awam
- viii. Program Ziarah Kasih Kesihatan
- ix. Program Keagamaan dan Kerohanian
- x. Program Pameran Jabatan Kerajaan
- xi. Program Komuniti Warga Emas
- xii. Program Pembangunan Komuniti Orang Asli
- xiii. Program Bantuan Rakyat Termiskin
- xiv. Program Sukan, Kesenian dan Kebudayaan
- xv. Program Menyelamat Kejadian Bencana Alam
- xvi. Program Keselamatan Makmal
- xvii. Program Neuro Lingusitic (NLP)

D) AKTIVITI YANG TELAH DAN AKAN DILAKUKAN

- i. Bengkel Menghadiri Temuduga Pelajar Tingkatan Enam Atas, SMK Long Yunus, Bachok pada 8 Oktober 2017
- ii. Mecare Bakti Siswa Bersama Komuniti Pesisir, Anjuran Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan, Anjuran UMT dengan Kerjasama INSPEK, Pejabat HEPA dan UCTC UMK di Pantai Senok, Bachok pada 4 November 2017.
- iii. Program Rancangan Memajukan Kelantan (RMK) Bersama Himsak Kebangsaan dengan Kerjasama UCTC UMK di Kolej Matrikulasi Kelantan, Kok Lanas pada 8 November 2017.
- iv. Bicara Tokoh Bersama Pemimpin Masyarakat, Datuk Sr. Haji Alwi Haji Che Ahmad di UMK Kampus Bachok pada 9 November 2017.
- v. Kembara Jalinan Kasih Bukit Bakau Anjuran FTKW UMK dengan Kerjasama Fakulti Muzik UiTM Shah Alam dan UCTC UMK dari 16 – 19 November 2017.
- vi. Program Rancangan Memajukan Kelantan (RMK) Bersama Himsak Kebangsaan di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) Anjuran Himsak Unimas, Pejabat TNC Hepa UNIMAS dan UCTC UMK Pada 24 November 2017.
- vii. Program Rancangan Memajukan Kelantan (RMK) Bersama Himsak Kebangsaan di Universiti Malaysia Kelantan Kampus Bachok Anjuran Himsak UMK dengan Kerjasama Pejabat TNC HEPA dan UCTC UMK pada 25 November 2017.
- viii. Program Sentuhan Kasih Membantu 20 Keluarga Asnaf Di Kampung Baung, Pengkalan Chepa, Anjuran UCTC UMK dengan Kerjasama Umno Bahagian Pengkalan Chepa pada 10 Disember 2017.
- ix. Karnival Merakyatkan serta Pemulihan Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Kelantan, Anjuran UCTC UMK dengan Kerjasama FTKW UMK dan Agensi Kerajaan di UMK Kampus Bachok dari 13 – 16 Disember 2107.

9.7.1 PRORGAM SENTUHAN KASIH

Program Sentuhan Kasih adalah salah satu inisiatif yang dijalankan antara UMK, Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan, UiTM Kelantan, GIAT MARA Pengkalan Chepa, Markas 8 Briged Kem Pengkalan Chepa dan UMNO Bahagian



Pengkalan Chepa dalam memberikan khidmat kepada masyarakat. Tujuan utama program ini adalah untuk mendekatkan UMK dan UMNO dengan masyarakat serta membantu golongan yang benar-benar memerlukan. Program ini adalah berhasil daripada penubuhan UCTC iaitu University Community transformation Center yang telah dibentangkan di dalam Mesyuarat National Blue Ocean Startegy Summit(NBOS) pada 21 November 2012. Ia dilaksanakan hasil inisiatif NBOS yang bermula sejak bulan November 2009. Setiap institusi pengajian tinggi awam (IPTA) perlu mewujudkan Pusat Transformasi Komuniti Universiti atau University Community Transformation Centre (UCTC) berdasarkan niche area masing-masing dengan menggerakkan sumber intelektual dan infrastruktur fizikal universiti untuk mentransformasikan komuniti. UCTC juga merupakan inisiatif NBOS ke-8, di mana KPT bertindak sebagai agensi peneraju dan melibatkan semua IPTA. UCTC ini telah dilancarkan secara rasmi pada 30 November 2013 oleh YB Menteri Pendidikan Tinggi II, Dato' Seri Idris bin Jusoh.

Oleh itu, program ini telah dijalankan pada 9hb dan 10hb Disember 2017 di Kampung Baung Pengkalan Chepa dengan memilih 20 buah rumah untuk dibaiki. Pemilihan rumah-rumah yang akan dibaiki adalah berdasarkan maklumbalas daripada pemimpin masyarakat setempat dan ia adalah khusus untuk membantu golongan yang benar-benar memerlukan. Program ini adalah Projek pertama Universiti Malaysia Kelantan (UMK) menerusi Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) kos hampir RM100,000. Sumbangan pembaikan rumah ini diberikan oleh Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan.


Secara keseluruhannya lebih 200 sukarelawan bergotong-royong membaiki rumah sejak semalam terdiri daripada pelajar dan kakitangan UMK, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kota Bharu, penduduk setempat dan GiatMARA Pengkalan Chepa serta anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Program tersebut telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Pendidikan Tinggi, Datuk Nik Ali Mat Yunus.

Yang turut hadir, Ketua UMNO Bahagian Pengkalan Chepa, Datuk Zaluzi Sulaiman; Timbalan Pengarah (Teknikal) JPP negeri, Ir Zailan Abd Rahman; Pengurus Puspanita Kementerian Pendidikan Tinggi, Datin Nik Khzami Nik Mohamed dan Pengarah UCTC UMK, Prof. Madya Dr. Mohad Anizu Mohd Nor.







Bab 11

Program Kemuncak

11.1 JAWATANKUASA TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI) UNIVERSITI AWAM MALAYSIA MENGADAKAN MESYUARAT & LAWATAN KE PROJEK PEMBANGUNAN LEMBANGAN SUNGAI PENGKALAN DATU DI MUKIM SERING



Universiti Malaysia Kelantan telah menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) Universiti Awam kali ke - 45 yang telah diadakan di Bilik Mesyuarat Senat, UMK Kampus Kota pada 9 & 10 Julai 2017. Mesyuarat ini telah membincangkan hal ehwal penyelidikan & inovasi di seluruh Universiti Awam.

Selain itu, delegasi Jawatankuasa Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Universiti Awam Malaysia juga telah mengadakan lawatan ke Lembangan Sungai Pengkalan Datu yang terletak di Mukim Sering, Kota Bharu, Kelantan, bagi mendapatkan maklum balas positif untuk dimajukan sebagai hab pelancongan baharu berdasarkan warisan dan alam semulajadi.

Delegasi lawatan yang diketuai oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Universiti Malaysia Kelantan (UMK) Prof. Dato' Dr. Ibrahim Che Omar telah diberi taklimat ringkas mengenai pelbagai usaha penyelidikan dan kerja lapangan yang sedang dipergiatkan oleh UMK bagi memastikan pembangunan LSPD dilaksanakan seperti yang dirancang.

Menurut Prof. Dato' Dr. Ibrahim, pihak UMK dengan kerjasama Persatuan Warisan Sungai Pengkalan Datu (WASPADA) telah memulakan usaha penyelidikan untuk mengemukakan lebih banyak bukti-bukti yang berkaitan LSPD bertujuan untuk dokumentasikan tarikan, bahan-bahan sejarah dan warisan yang terdapat di kawasan tersebut.



Katanya, tugas utama ialah dengan menempatkan pelajar UMK khususnya pelajar daripada Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW) untuk menjalankan aktiviti kajian dan penyelidikan berkaitan tarikan-tarikan yang terdapat di kawasan ini.

“LSPD mempunyai potensi besar untuk dibangunkan memandangkan kawasan ini amat strategik dan merupakan kawasan bersejarah serta pernah menjadi penempatan terawal Kesultanan Melayu Kelantan.

“Selain itu, terdapat pelbagai keunikan di kawasan itu termasuk pembuat wau dan artifik muzikal yang masih kekal di samping mewujudkan pasar terapung yang boleh meningkatkan sumber sosio ekonomi penduduk setempat,” katanya selepas lawatan River Cruise Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Universiti Awam Malaysia, di Cerana Villa Resort, Sering, Kota Bharu, Kelantan, pada 10 Julai 2017.



Turut hadir, Pengarah, Pusat Pengurusan Penyelidikan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Prof. Dr. Madzlan Aziz, Penolong Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Universiti Teknologi Mara (UiTM), Prof. Dr. Hadariah Bahron dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Universiti Malaysia Pahang (UMP), Prof. Dr. Mashitah Mohd Yusoff

Hadir sama, Dekan FTKW, Prof. Madya Ahamad Tarmizi Bin Azizan dan Pengerusi WASPADA, Tn. Hj. Mohd Asri Hj. Husin.

Tambah Prof. Dato' Dr. Ibrahim, lawatan itu juga untuk melihat sejauh mana potensi untuk pihak universiti mendapatkan maklum balas, khidmat nasihat serta rujukan untuk tujuan penambahan bagi projek pembangunan di kawasan tersebut.

"Lokasi ini mampu memainkan banyak peranan dalam meningkatkan sosiekonomi dan memperkenalkan budaya masyarakat," jelasnya.

Sementara itu, Tn Hj. Mohd Asri berkata, LSPD memiliki keunikan dan sejarah serta merupakan sumber yang perlu dikenalkan dan dipulihara sebagai budaya tarikan pelancongan di Kelantan.



Beliau berkata, terdapat pelbagai produk pelancongan di sekitar LSPD seperti produk sejarah, alam semulajadi, agro pelancongan dan kesenian serta kebudayaan.

"Pihak WASPADA dengan kerjasama UMK berusaha untuk merealisasikan perancangan projek tersebut kerana LSPD mempunyai potensi besar untuk dibangunkan kerana kawasannya strategik malah terdapat industri pembuatan kuih tradisional dan perusahaan madu kelulut."

"Kita amat berharap LSPD yang dikordinasikan oleh semua agensi untuk membangunkan LSPD sebagai produk pelancongan baharu khususnya di bandar Kota Bharu untuk membantu penduduk disini dalam aspek pembangunan sosio ekonomi," katanya.

11.2 MINGGU PENYELIDIKAN DAN INOVASI UMK 2017 & KARNIVAL STEM NEGERI KELANTAN

Pameran Minggu Penyelidikan & Inovasi (P&I) dan Karnival STEM Negeri Kelantan merupakan satu platform untuk memperkenalkan hasil penyelidikan dan inovasi yang



telah diadakan di Dewan Utama, Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Kampus Jeli, Kelantan pada 24 hingga 26 Oktober 2017.

Menurut Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi, Prof. Dato' Dr. Ibrahim Che Omar, program ini telah diperkenalkan sehingga ke peringkat sekolah bagi mengukuhkan peranan untuk meningkatkan bilangan pelajar dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

Selain itu, terdapat pelbagai aktiviti dan program yang dilaksanakan seperti pameran produk inovasi, seminar penyelidikan, forum sains dan inovasi serta dikir barat STEM.

